



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2913]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2942]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) (Pindaan) [Ruangan 2942]

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 2949]

Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) [Ruangan 2967]

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 2978]

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).

- Yang Berhormat TUN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN MOHAMAD (Trengganu).
- „ TUN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Hari Jumaat, 20hb Januari, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

KUASA NUKLIAR

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan teknologi yang dijalankan oleh Malaysia bagi menyelaraskan perhubungan dan kerjasama dengan negara luar. Sebutkan nama negara itu serta butirnya sekali dan peruntukan Kerajaan dalam menyelaraskan kuasa nukliar.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Institusi Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM merupakan institusi utama yang begitu giat dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan perindustrian dan pemindahan teknologi (industrial research and transfer of technology).

Sebagai ahli Organisasi Piawaian Antarabangsa (International Standards Organisation) atau ISO, Instituit ini memainkan peranan yang aktif terutamanya di dalam Jawatankuasa Teknikal Getah dan Hasil-hasil Getah (ISO/TC 45).

SIRIM juga mengambil bahagian di dalam Gabungan "Codex Alimentarius Commission FAO/WHO" yang berkaitan dengan piawaian-piawaian bagi makanan anjuran bersama oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Sebagai satu langkah ke arah kolaborasi tempatan di dalam bidang pemiawaian, tanda Pengesahan

dan latihan perjawatan, SIRIM menjadi pelopor Bengkel ASEAN berkenaan Pemiawaian Tempatan bertujuan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil Pemiawaian di bawah naungan ASEAN untuk mengeratkan lagi kerjasama di dalam bidang pemiawaian.

SIRIM adalah salah satu daripada peserta "Technonet Asia" (Asean Network for Industrial Technology, Information and Extension) dan telah mendapat banyak bimbingan berkenaan dengan teknologi-teknologi luar negeri yang boleh diubahsuai-kan untuk negara kita.

Selain dari itu, SIRIM adalah ahli kepada World Association of Industrial and Technological Research Organisation (WAITRO) yang pada asasnya penghubung antarabangsa bagi keperluan-keperluan dan sumber-sumber teknikal. Ianya juga adalah ahli kepada Persatuan IEC (International Electro-Technical Commission).

Untuk memperkembangkan lagi bidang timbang menimbang dan sukatan SIRIM mendapat bimbingan dari "Japan International Co-operation Agency (JICA)". Kerajaan India bersama-sama dengan UNDP (United Nations Development Programme) pada masa ini bekerjasama dengan SIRIM untuk membangunkan satu Pusat Kaji Logam di Malaysia.

Menjawab soalan yang meminta, butir-butir peruntukan Kerajaan, memandangkan tugas menyelaraskan kuasa nukliar tidak jatuh di dalam kuasa Kementerian saya, peruntukan seperti dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak terdapat.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah betul atau tidak iaitu SIRIM hendak menjalankan aktiviti-aktiviti untuk menyiasat (research) tetapi perkakas-perkakas tidak cukup?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa bidang yang baru, perkakas-perkakas itu memang tidak cukup.

PEPERIKSAAN L.C.E.

2. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan iaitu dengan terhapusnya peperiksaan L.C.E. pada tahun 1978 hanya peperiksaan S.R.P. sahaja yang ada, pencapaian murid-murid dalam bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan tidak boleh dinafikan adalah lemah terutama sekolah-sekolah di luar bandar, adakah pihak Kementerian mengkaji dan membuat rancangan supaya pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tersebut lebih berkesan dan murid-murid dapat menguasai bahasa itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang keadaan bahawa Peperiksaan L.C.E. akan dihapuskan pada tahun 1978. Untuk menentukan supaya pengajaran Bahasa Inggeris tidak terjejas, Kementerian Pelajaran telahpun mengatur langkah-langkah yang sewajarnya sejak awal tahun 1970 lagi.

Satu sukatan pelajaran Bahasa Inggeris bagi peringkat sekolah menengah rendah (Tingkatan I, II dan III) telah disediakan untuk digunakan oleh sekolah-sekolah berkenaan mulai tahun 1974. Tiga buah Buku Panduan Guru bagi Tingkatan I, II dan III telah juga disediakan. Sukatan Pelajaran dan Buku Panduan Guru itu sedang digunakan sekarang di semua aliran sekolah menengah rendah.

Sejak beberapa tahun yang lepas, Kementerian Pelajaran telah juga mengadakan berbagai kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru Bahasa Inggeris Menengah Rendah di Maktab Perguruan Bahasa, Universiti Malaya dan di semua negeri, dalam usaha untuk memperkenalkan sukatan pelajaran dan buku panduan guru itu kepada guru-guru yang berkenaan agar pengajaran dan pembelajaran dan Bahasa Inggeris boleh berjalan terus dengan berkesannya.

Buat tahun ini, beberapa kursus bagi guru-guru kanan Bahasa Inggeris menengah rendah telah dan sedang dijalankan di peringkat negeri untuk menjamin supaya

ujudnya keseragaman dan perseimbangan di antara perancangan dan proses pelaksanaan program bahasa Inggeris.

Kementerian Pelajaran juga sedang giat menyediakan sebuah kit sumber untuk guru-guru dan murid sebagai usaha untuk menambahkan lagi jumlah bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan di dalam bilik darjah.

Nyata sekali segala usaha ini memerlukan kerjasama antara pihak Kementerian Pelajaran dan guru-guru supaya segala yang dirancangan itu boleh berjalan dengan licin dan sempurna.

Puan Zawiah binti Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana pihak Kementerian Pelajaran telahpun bermurah hati kepada murid-murid yang mendapat kelulusan L.C.E./S.R.P. dengan pangkat C dan D dinaikkan ke Tingkatan IV, tidakkah ini menjadi masalah kepada tempat duduk di kelas-kelas?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Ini berkenaan dengan pengajaran bahasa Inggeris.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa penghapusan peperiksaan L.C.E. akan diadakan pada tahun ini. Dan dia telah menerangkan kepada Dewan ini berhubung dengan latihan-latihan terhadap guru-guru di dalam bahasa Inggeris. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan penghapusan ini, adakah Kementerian memberi jaminan bahawa bilik-bilik darjah akan mencukupi bagi menampung anak-anak kita?

Datuk Chan Siang Sun: Itu saya rasa tidak ada berkenaan dengan penghapusan peperiksaan. Bilangan kerusi dan bilik darjah memang mencukupi.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Sungguhpun Kerajaan ingin mengadakan peperiksaan S.R.P. untuk tahun 1978 dan menghapuskan peperiksaan L.C.E. pada masa yang akan datang, adakah sesuai pada

pandangan Kementerian Pelajaran untuk menaikkan pangkat semua murid-murid yang telah gagal di peringkat L.C.E. tahun 1977 supaya dapat pergi ke Tingkatan IV.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu samalah dengan soalan pertama yang saya jawab. Itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah dijawab.

Tuan Joseph Unting anak Umang: Soalan tambahan. Tadi apabila ditanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau pelajar-pelajar Tingkatan III ini dinaikkan ke Tingkatan IV, adakah Kementerian Pelajaran akan menyediakan tempat—dia jawab ada. Apa yang telah berlaku di Sarawak, sebelum kita menghapuskan peperiksaan Primary VI dahulu Kerajaan berkata akan menyediakan kerusi. Tetapi apabila peperiksaan itu dihapuskan, didapati tidak cukup tempat di sekolah-sekolah menengah hingga menyusahkan budak-budak. Pihak Kementerian telah memberitahu tadi, kalau sebenarnya, mintalah Kementerian memberi perhatian supaya pada tahun 1978 apabila peperiksaan Tingkatan III dihapuskan hendaklah ditentukan supaya ada cukup kerusi di sekolah menengah, jangan berlaku seperti di Sarawak.

Datuk Chan Siang Sun: Perkara ini saya boleh timbangkan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Suratkhbar ada melaporkan bahawa Kerajaan akan menghapuskan peperiksaan L.C.E. Adakah ini betul atau tidak? Adakah apa-apa rancangan untuk menghapuskan peperiksaan L.C.E. pada tahun hadapan?

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang saya jawab tadi peperiksaan L.C.E. sudah dihapuskan mulai tahun ini.

JUALAN TANAH PERTANIAN

3. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa tanah-tanah di jual kepada orang-orang awam oleh para penganjur sebagai lot-lot tapak rumah tanpa mendapat kelulusan pemecahan tanah mengikut National Land Code dan samada Menteri akan menimbang

untuk mengesyorkan satu undang-undang untuk mengawal dan mengawasi perbuatan serupa ini bagi melindungi pembeli-pembeli.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada berlakunya masalah tanah-tanah pertanian dijual dan dibeli sebagai lot-lot tapak rumah sebelum tanah-tanah tersebut diluluskan oleh pihak Berkuasa Negeri untuk tujuan perumahan. Akibatnya perkara ini telah menimbulkan masalah ekonomi khususnya kepada kedua-dua pihak tersebut terutama sekali kepada pihak yang membeli. Kementerian saya juga telah menerima beberapa rayuan daripada pihak-pihak yang terlibat khususnya yang membeli memohon bagi mengatasi perkara tersebut.

Bagi mengatasi masalah ini pihak Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan dan Kementerian saya sendiri. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk menghalusi masalah ini terutamanya masalah penjualan lot-lot perumahan di luar kawasan Penguasa Tempatan dan membuat syor-syor bagi mengatasinya. Setakat ini, Jawatankuasa ini telah beberapa kali mesyuarat dan sekarang sampai masanya mereka sedang mengkaji dan meneliti dan saya telah melihat satu deraf Undang-undang berkenaan beberapa peruntukan untuk Kanun Tanah Negara bagi tujuan mengawal dan mengawasi perbuatan serupa ini dan melindungi pembeli-pembeli.

Dalam semakan saya, dalam deraf itu ada satu dua perkara yang amat sukar diatasi dari segi penggubalannya, sebab kalau kita beri pesaka kadang-kadang dapat tanah dinamakan terus kepada empat beradik. Maknanya tanah itu individual share. Adakah itu hendak diharamkan pula? Ini akibatnya. Tetapi ada pula setengah orang menjual tanah misalnya, empat ekar di bahagi-bahaginya suku-suku ekar dengan yang lain-lain, itu yang kita hendak cegah. Banyak masalah akan timbul. Saya telah arahkan dengan segera supaya diadakan lagi satu mesyuarat supaya diputuskan perkara ini dan selepas keputusan itu akan dibawa ke Majlis Tanah Negara (National Land

Council) dan selepas itu kalau dapat diluluskan kita akan kemukakan kepada kedua-dua Dewan Parlimen untuk dipinda dan diluluskan bagi mengatasi masalah yang ada sekarang.

Pada pendapat saya kita hendaklah membuat satu undang-undang yang kuatkuasanya bermula pada tarikh lulus Rang Undang-undang itu kerana kalau kita tidak buat tarikh kebelakangan ini maka beratus-ratus masalah akan timbul yang mengakibatkan dari segi ekonomi, politik dan lain-lain, kalau keadaan begini nampaknya amatlah rumit.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat dua soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri.

Pertama, adakah Yang Berhormat Menteri sedar tujuan tuan-tuan tanah bagi memecahkan lot bagi perumahan itu? Mengikut fahaman saya ialah tujuan bagi mengelakkan cukai pendapatan (income tax). Adakah Menteri bersetuju dengan fahaman saya itu, dan kalau bersetuju apakah rancangan Kementerian bagi mengatasi supaya keuntungan berlebihan tidak terus berlaku yang mana akibatnya Kerajaan terus menghadapi kerugian.

Kedua, ada kedapatan banyak tanah-tanah orang Melayu telah dijual kepada bukan warganegara Malaysia, umpamanya di Johor atau lain-lain negeri dengan menggunakan nama bumiputra dengan hasrat mengambil keuntungan daripada kedua-dua belah pihak. Adakah Menteri sedar bahawa ini telah berlaku dengan sehebat-hebatnya, dan apakah rancangan Kementerian bagi mengatasi se-kendal ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua pada pendapat saya, melainkan kalau Tuan Yang di-Pertua overrule saya, adalah tidak kena-mengena langsung dengan soalan ini. Ini berkait dengan pecah tanah, tiba-tiba ada pula masalah jual beli tanah rizab Melayu timbul kepada bukan bumiputra. Bersetujukah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Bersetuju.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Kalau bersetuju, senang hati saya.

Yang kedua, masalah ini saya tidak nampak, sebab semua orang yang hendak menjual tanah ini mengambil keuntungan. Adalah lebih keuntungan kalau dijual dengan lot-lot daripada dijual kepada perseorangan. Satu estet misalnya 100 ekar, dijual terus sahaja, tidak dapat tidak, keuntungan itu adalah lebih besar. Dan ini yang telah berlaku pada masa yang lepas. Tetapi semenjak undang-undang yang kita lulus baru-baru ini, kalau seseorang menjual sesuatu harta lepas dia membeli dalam tempoh setahun, dua tahun, tiga tahun, adalah dikenakan cukai keuntungan atas mereka itu. Kalau enam tahun, kalau saya tidak salah, cuma 10%. Tetapi kalau selepas satu tahun dijual, dia kena 50% daripada keuntungan pada harga beli dan harga jual. Saya percaya Pejabat Cukai Pendapatan (Income Tax Department) tentu tahu dalam perkara ini dan mengambil tindakan supaya mereka itu tidak dapat mengelakkan cukai pendapatan. Ini bukan tanggungjawab Kementerian Tanah, tetapi adalah jabatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya percaya perkara ini akan dapat diatasi, tetapi sekiranya diluluskan undang-undang yang ada ini, perkara ini tidak akan timbul pada masa yang akan datang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu dalam National Land Code ada menyatakan jikalau sekeping tanah yang luasnya 30-50 ekar dan mempunyai satu geran dan kalau banyak didirikan rumah memang Pegawai Daerah ada berkuasa untuk merampas balik tanah itu, betul atau tidak?

Kedua, jikalau sudah dijual dan sudah banyak rumah didirikan di tiap-tiap suku ekar, bolehkah Kerajaan memikirkan oleh kerana kebanyakan tanah-tanah lot ini dibeli oleh orang miskin supaya diberi geran setelah disiasat?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri kerana Pejabat Tanah yang mengambil tindakan itu ialah di bawah Kerajaan Negeri yang memutuskan samada hendak diambil tanah itu balik atau dirampas kerana telah menyalahi Land Code, perkara ini di bawah Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Federal. Kementerian saya cuma boleh menasihati

sahaja, kalau dia hendak dengar ada masanya dia tidak mahu dengar. Tetapi yang mengakibatkan masalah ini satu, saya hendak sebut syarikat yang ada dalam Kuala Lumpur ini yang besar serta kaya-raya. Syarikat itu telah menjual dengan lot-lot, masa itu tanah itu ialah tanah untuk kebun getah (estate) padahal dalam town. Di masa itu entah macam mana diluluskan, perumahan sudah bangun dengan banyaknya, setelah 10 tahun kemudian setelah dibayar hutang didapati tidak ada pertukaran syarat. Perkara ini timbul, kalau dikira di dalam undang-undang boleh dirampas adakah boleh dirampas kalau sudah ada 10,000 rumah dan tiap-tiap satu harganya \$200,000. Masalahnya besar adakah adil kalau kita buat begitu? Kalau timbul perkara itu pada pendapat saya adalah adil bagi Kerajaan tidak merampas walau kena ubah syarat, tetapi dikehendaki samada tuan rumah kena bayar segala belanja ubah syarat dan premium-premium ataupun syarikat perumahan itu. Ini terpujanglah antara dua itu siapa yang bertanggungjawab mahkamah boleh memutuskan. Masalah yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik memang masalah ini belum selesai lagi kalau tidak salah saya.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu soalan tambahan dalam masalah pembeli-pembeli tapak rumah tanpa lebih dahulu dapat kelulusan ataupun dapat geran. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah berlakunya keadaan ini berpunca daripada lambatnya Jabatan-jabatan berkenaan memproses permohonan menukar syarat dan memecah lot tanah ini. Setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, kelambatan-kelambatan seperti ini sering berlaku akibat daripada polisi yang sedang berjalan sekarang ini. Umpamanya, sesuatu permohonan itu hendaklah diproses lebih dahulu oleh pejabat-pejabat yang berkenaan bermula daripada Pejabat Tanah atau Pegawai Daerah, kemudian dihantarkan ke Jabatan Kerjaraya. Selepas selesai Jabatan Kerjaraya baru dihantar pula ke Jabatan Parit dan Taliair, selepas itu baru dihantarkan ke

pada perancangan bandar ataupun sebagainya. Jadi tidak diadakan pengedaran serentak ke seluruh Jabatan-jabatan yang berkenaan itu, setelah selesai proses satu Jabatan ke satu Jabatan itu, barulah diangkatkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk dibuat Exco paper kalau perkara itu mesti diluluskan oleh Raja dalam Majlis mesyuarat. Adakah benar keadaan red tape seperti ini berlaku disebabkan kelambatan sesuatu permohonan memecah tanah dan mengubah syarat, maka dengan akibat itulah juga pembeli-pembeli menjadi mangsa, mereka dijual oleh pemaju ataupun yang menganjurkan pecah tanah itu tanpa lebih dahulu mendapat kelulusan ini. Oleh kerana terlampau lambat menunggu dan dengan sebab inilah berlaku peristiwa-peristiwa seperti ini. Kalau benar adakah pihak Kerajaan bercadang untuk sekurang-kurangnya Jawatankuasa ini yang telah sedia ada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi akan mengkaji satu cara supaya red tape ini dapat diatasi dengan dipercepatkan perlaksanaannya.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bertanya samada sedar atau tidak sedar. Nampaknya beliau cerita perkara itu ada berlaku, kalau begitu tidak payah tanya lagi. Jadi soalnya itu beliau tanya dan beliau hurai pula, ini saya hairan juga, dengan sebab itu kalau beliau sedar, saya juga sedar dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga sedar. Tidak payah ditanya sedar atau tidak, saya bukannya tidur saya hairan juga sebab beliau menceritakan kelambatan itu, perkara ini bukan semuanya macam itu. Ada setengah-setengahnya memang dia tahu boleh jadi tidak lulus tanah itu atau tempat itu "green belt", memang tidak boleh lulus untuk dipecahkan bagi perumahan. Maka dengan sebab hendak untung dengan sebab dia tahu orang dahagakan tanah hendak buat rumah serta-merta, diapun jual dengan lot-lot, selepas itu baru buat permohonan, bertahun-tahun selepas itu ditolak oleh Kerajaan dan tidak disetujui. Inilah yang banyak perkara ini berlaku dan crang lain yang menjadi mangsa dan ada separuh yang sudah kena. Ada setengah-setengah memang kita beli sekeping

tanah dengan berpakat 10 orang kemudian diminta pecahkan tanah itu dan dijual kerana dia tahu kalau tunggu mengambil masa kadang-kadang setahun, kata Yang Berhormat itu atau dua tahun dan sehabis-habis lekas kadang-kadang dari pengalaman saya yang saya tengok enam bulan. Ini bukan red tape memang cara daripada zaman dahulu sampai sekarang, bukan permohonan tanah sahaja, tetapi permohonan hendak buka factory dan sebagainya, termasuk juga ada kaitannya dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan fail itu dihantar satu persatu sehingga balik daripada asal baru pihak yang berkenaan bawa ke pihak yang berkuasa untuk diputuskan. Bukan sahaja investment committee dan lain-lain tetapi tengahnya untuk mengatasi masalah ini bila timbul perkara itu dikumpul semua sekali pergi ke tanah itu periksa boleh dijalankan dengan seberapa segera. Tetapi sebagaimana di negeri Selangor satu bulan berapa ada permohonan yang semacam ini? Kalau sekiranya setiap kali datang permohonan asyik mesyuarat, kalau Yang Berhormat bertanya tadi dikumpul semua misalnya 20 permohonan mesyuarat sekali, bagaimana boleh dibuat begitu. Tetapi kalau technical man tidak pergi ke tempat itu melihat cara di mana ada sungai, environmentnya, airnya town planningnya dia mesti periksa. Tetapi itu dahulu, perkara ini bukan baru sememang telah memecahkan kepala orang-orang yang di atas untuk mengatasi perkara ini, tetapi sampai sekarang cara itu masih berjalan. Satu cara untuk melekaskan adalah satu sahaja daripada pejabat itu supaya dihantar kepada Commissioner of Land, dihantar ke tiap-tiap pejabat dan fail itu mesti balik dalam tempoh 12 hari atau dalam tempoh satu bulan, kalau tidak disciplinary action will be taken atau tindakan tatatertib akan diambil di atas pegawai-pegawai yang melambatkan kerja ini. Ada satu cara yang dapat melekaskan, tetapi rasa saya, saya sudah bekerja di pejabat tanah empat tahun lamanya masa menjadi Assistant Collector waktu muda-muda dahulu di Johor, bukan senang hendak kita adakan tiap-tiap kali permohonan dibuat mesyuarat serta-

merta untuk diluluskan. Saya fikir belum boleh kita jalankan sebab ini kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya akan bangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat tanah akan datang supaya masalah ini akan dapat diatasi kerana mengakibatkan kesusahan yang banyak khasnya pembeli-pembeli tanah yang kebanyakannya kita tahu memang berkehendakkan tapak rumah sekarang.

PENUNTUT MALAYSIA DI INDIA

4. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di India;
- (b) dari jumlah ini berapa orang Bumiputra;
- (c) nama-nama universiti di mana mereka belajar;
- (d) siapa yang memberi mereka biasiswa; dan
- (e) samada kelulusan mereka akan diiktiraf oleh Kerajaan sekembalinya mereka ke tanah air kelak, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa soalan ini adalah berkenaan dengan biasiswa penuntut-penuntut yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat, Badan-badan Berkanun dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri:

- (a) Dari maklumat yang terkumpul bilangan penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di India ialah 53 orang.
- (b) Dari jumlah itu terdapat 21 orang bumiputra.

Untuk jawapan (c), (d) dan (e) oleh kerana jawapan ini terlampau panjang, silalah Yang Berhormat rojok kepada jadual yang di-kembarkan.

<i>Badan/Negeri</i>	<i>Bil. Penuntut- penuntut Malaysia di India</i>	<i>Bil Bumiputra</i>	<i>Nama Universiti</i>	<i>Yang memberi Biasiswa</i>	<i>Iktiraf atau Tidak</i>
Bahagian Pelajaran Tinggi Kementerian Pelajaran	Tidak terdapat maklumat	—	—	—	—
Jabatan Perkhidmatan Awam	26	9	(a) MEDICAL	Biasiswa Kebudayaan Am India	<i>Iktiraf (Medical)</i> 1. Mysore Medical College 2. Maulana Azad Medical College 3. Kilpauk Medical College, Madras
			(i) Calicut Medical College		
			(ii) Mysore Medical College Madras University		
			(iii) Aligarth Muslim Universiti		
			(iv) St. John Medical College		
			(v) Government College in Chandigarth, India		
			(vi) St. Agres College Mangalor		
			(vii) The Government College for Women Chandigarth, Punjab		
			(viii) Gauhati Medical College, India		
			(ix) B.J. Medical College, Poona India		
			(x) Women's Christian College, Madras		
			(xi) Maulana Azad Medical		
			(xii) Kilpauk Medical College, Madras		
			(b) KEHAIWANAN		<i>Kedoktoran Haiwan</i>
			(i) School of Basic Sciences and Humanities, Udaipur		University of Agriculture Sciences, Bangalore
			(ii) University of Agriculture Sciences, Bangalore		<i>Farmasi</i> Madurai Medical College, Tamilnadu, South India
			(c) KEJURUTERAAN AWAM		<i>Tidak Iktiraf</i>
			(i) Regional Engineering College, Thiruchirapalli	Biasiswa Kebudayaan Am India	Selain daripada yang di- sebut di atas
			(d) FARMASI		<i>Sebut Tidak Iktiraf</i>
			(i) Madurai Medical College, Tamilnadu, South India		Mutu dan taraf pendidikan diragukan dan juga untuk menjaga profesyen-profe- syen tertentu khasnya dan kepentingan negara amnya

Jururawat diminta untuk memberi pandangannya mengenai hal ini, keputusan muk-tamad adalah terletak di tangan Kerajaan sama ada apa-apa perubahan perlu dibuat. Memandangkan kepada implikasi kewangan dan lain-lainnya bagi perubahan ini, perkara ini haruslah dipertimbangkan dengan teliti.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu ada jururawat meminta kebenaran memakai uniform menutup aurat bagi wanita-wanita Islam maka Kesatuan Jururawat telah menghantar surat ugutan atau amaran bahawa setiap jururawat itu tidak dibenarkan memakai uniform selain daripada uniform yang dibenarkan. Kalau dipakai juga, tindakan tata-tertib akan diambil dan bukan sekadar Kesatuan Jururawat, bahkan Penguasa Hospital juga sama menyokong tindakan Kesatuan Jururawat itu dengan ugutan akan mengambil tindakan tatatertib atau ditukar ke bahagian Jabatan yang lain. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar ini telah berlaku dengan sewenang-wenangnya dan akan mengakibatkan menjadi kurang minat wanita Melayu yang beragama Islam akan menjalankan tugas menjadi jururawat kerana tekanan tatatertib dan hukuman agama yang mesti dipatuhi. Kalau ini terus berlaku maka keseimbangan dan harapan Kerajaan dalam penyertaan bumiputra mungkin terjejas. Adakah tindakan Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya satu perkhidmatan adakan syarat-syarat yang tertentu. Dasar sebelum seseorang pelatih memasuki perkhidmatan jururawat umpamanya beliau tahu bahawa inilah uniform yang patut dipakai dan jikalau hendak lari dari uniform itu tidaklah mengikut peraturan yang tertentu. Inilah bermakna satu uniform. Jikalau seseorang boleh memakai apa sahaja pakaian rasmi yang beliau sukai bahawa ini tidak bermakna ada uniform.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apa mudharatnya atau kerosakannya pakaian seragam jururawat yang ada sekarang yang kita patut tukar pada hal telah berjalan bertahun-tahun.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini nampaknya uniform yang dipakai sekarang ini adalah sesuai oleh kerana praktik dari segi perkhidmatan kesihatan dan perubatan, tetapi ada pihak-pihak yang tertentu yang menyatakan bahawa elok juga jikalau jururawat itu misalnya, dibenarkan memakai seluar panjang dan ada juga yang meminta supaya menutup sampai ke tangan dan ada juga yang meminta supaya ditutup dengan scarf dan sebagainya. Ada banyak pandangan tetapi Kementerian Kesihatan bukanlah hendak menolak pandangan ini tetapi kita mesti memikirkan bahawa adakah sesuai dari segi - bukan sahaja agama dan lain-lain tetapi dari segi perkhidmatan praktikal. Ini satu pertimbangan yang diambil dan satu perkara lagi yang patut saya jelaskan di sini bahawa jika sekiranya hendak menukar uniform, ini akan menelan perbelanjaan tambahan oleh kerana jika hendak digantikan dengan seluar panjang mesti ada implikasi kewangan juga dan perkara ini patut diteliti dengan mendalam supaya kita tidak mengambil satu langkah yang tidak praktik.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan memakai baju gaun yang ada sekarang tetapi memakai stocking. Saya fikir stocking inipun menutup aurat. Bolehkah Kerajaan menimbangkan begitu, memakai uniform yang ada sekarang dengan memakai stocking panjang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kesihatan tidak ada halangan jika seseorang jururawat itu hendak memakai stocking.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu masalah yang berkait dengan uniform ini iaitu bolehkah pihak Kementerian ini mengizinkan ataupun memberi kebenaran kalau ada di antara jururawat-jururawat itu yang hendak membuat sendiri seluar panjang untuk dipakaikan bagi menutup aurat mereka. Adakah dibenarkan oleh Kementerian tanpa melibatkan kewangan Kementerian.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, itulah masalah yang Kementerian sedang mengkaji sekarang ini oleh kerana dari segi pandangan Kesatuan Jururawat, saya suka menjelaskan bahawa terpujanglah

kepada seseorang jururawat memilih samada beliau hendak memakai seluar panjang ataupun gaun seperti sekarang ini. Pakaian ini sedang diteliti.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan jururawat-jururawat yang dihantar bersama-sama dengan rombongan ke Mekah dan Madinah, adakah jururawat ini juga dipaksa memakai pakaian ataupun uniform yang ada ini ataupun apakala mereka itu sampai di Mekah atau Madinah, mereka itu boleh memakai cara pakaian di sana.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, butir-butir itu saya belum dapat pastikan setakat ini.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di mana penjelasan telah memperkatakan bahawa bermacam-macam uniform. Menyusul dan berikutan soalan Yang Berhormat sahabat saya tadi Tuan Haji Mohd. Amin memang ini bukan serkap jarang, tetapi di Pulau Pinang sudah ada jururawat yang sudah memahami ajaran ugama Islam secara mendalam sehingga beliau sanggup menyediakan dua atau tiga helai uniform, sementara dua helai sudah siap dengan wangnya sendiri dan memakai pergi bertugas tetapi sedang diambil tindakan bukan sahaja dari Kesatuan Jururawat tetapi dengan Penguasa Hospital sekali. Alangkah baiknya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mempersetujukannya kerana ini soal wang mereka sendiri. Apa tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi ini bukan sahaja dipandang dari segi soal kewangan walaupun perbelanjaan itu ditanggung oleh jururawat itu sendiri. Ini adalah supaya kita menyelaraskan pakaian seragam untuk semua jururawat. Perkara itu bukan dikatakan jururawat itu sendiri ada kemampuan atau sanggup untuk membayar wang untuk membeli pakaian ataupun membuat uniform bersendirian.

Puan Dasimah Dasir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah satu-satu pejabat itu mempunyai disiplin - tentunya ada, jadi sekarang mengikut disiplin sudahlah. Soal yang dibangkitkan sekarang ini banyak sangat.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya tidak dapat menangkap maksud soalan itu.

Puan Dasimah Dasir: Di satu-satu pejabat tentulah ada disiplin. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan mengikut disiplin yang sudah ada dan tidak usahlah bercakap banyak. (*Ketawa*).

Tan Sri Chong Hon Nyan: Terima kasih, saya harap Kementerian akan mengikut disiplin.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan tetapi komen. (*Ketawa*).

RANCANGAN TEMPATAN RTM

7. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S. O. 23*) (2) minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (i) Apakah tindakan tegas yang telah diambil untuk memaju dan menambah lagi pengeluaran rancangan-rancangan tempatan di Talivisyen; dan
- (ii) Jenis-jenis sungutan yang telah diterima oleh beliau tentang pertunjukan rancangan khas Hari Deepavali (1977) dan tindakan yang beliau bercadang untuk ambil bagi tujuan membaiki lagi persembahan TV di masa akan datang.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua,

(i) RTM dari masa ke semasa sentiasa mengambil tindakan tegas untuk memaju serta menambah lagi pengeluaran rancangan-rancangan tempatan di TV. Antara langkah-langkah yang tegas ialah rancangan-rancangan latihan kakitangan samada di peringkat tempatan di Institiut Penyiaran Tun Abdul Razak atau di Pusat-pusat latihan serta penyiaran di luar negeri. Langkah-langkah juga telah diambil untuk menambah kakitangan dan mengisi jawatan-jawatan yang kosong. Bagaimanapun pengambilan kakitangan untuk mengisi jawatan-jawatan yang

kosong tidaklah begitu mudah kerana kekurangan tenaga kepakaran dalam bidang penyiaran di negara ini. Selain dari itu beberapa langkah-langkah lain juga sedang dan akan diambil untuk meningkatkan mutu persembahan rancangan-rancangan tempatan talivisyen seperti langkah-langkah mencungkil dan memupuk bakat-bakat baru dan langkah-langkah menggalak penyertaan orang ramai dalam rancangan TV.

(ii) Jenis-jenis sungutan yang telah diterima mengenai pertunjukan rancangan khas Hari Deepavali 1977 adalah sama seperti sungutan-sungutan yang lazim diterima bahawa rancangan-rancangan TV Malaysia dalam Bahasa Tamil tidak mencukupi. Sungutan-sungutan seperti ini bukan hanya datang dari penuntun-penuntun yang berbahasa Tamil malahan juga dari penuntun-penuntun bahasa China dan berbahasa Malaysia. Rancangan-rancangan dalam bahasa-bahasa tempatan terutamanya dalam Bahasa Kebangsaan akan dapat ditambah apabila langkah penambahan tenaga serta keupayaan penerbitan rancangan-rancangan tempatan dapat dilaksanakan kelak.

PENIAGA BUMIPUTRA

8. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan peniaga Bumiputra yang telah mendaftar di tiap-tiap negeri;
- (b) bilangan yang telah berjaya dan bilangan yang telah gagal dalam perniagaan mereka; dan
- (c) sebab-sebab kenapa mereka telah gagal.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya minta maaf tidak dapat memberi angka-angka bagi tiap-tiap bilangan negeri oleh kerana pendaftar-pendaftar perniagaan dan syarikat adalah disatukan di ibu pejabat, walau bagaimanapun bilangan peniaga-peniaga Bumiputra yang telah berdaftar: -

- (i) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan hingga 30hb. September, 1977 ialah 60,144 iaitu 23.6% daripada kesemua pendaftaran.

- (ii) dengan Pejabat Pendaftar Syarikat bagi tahun:

1975 - 851 iaitu 20.1% dari semua pendaftaran;

1976 - 666 iaitu 13.4% dari semua pendaftaran.

1977 (hingga 30/9) 448 iaitu 10.9% dari semua pendaftaran.

(b) Untuk menentukan bilangan yang telah berjaya dan yang telah gagal sangatlah sukar dipastikan, oleh kerana ini sentiasa berubah dan terpulang kepada interpretasi masing-masing.

(c) Oleh kerana Kaum Bumiputra masih lagi baru bergiat dalam lapangan perniagaan pengetahuan dan exposure mereka tersangat kurang di dalam semua aspek perniagaan terutama sekali pengurusan, kemahiran teknik, modal termasuk pengurusan kewangan dan pemasaran maka keupayaan kaum Bumiputra untuk mendapat kejayaan di dalam perniagaan akan mengambil masa yang lebih panjang sedikit.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masaalah perusahaan bumiputra di bidang perniagaan, ada yang gagal, ada yang berjaya dan ada yang separuh gagal. Dalam masaalah ini saya hendak tahu apakah usaha khidmat Kementerian ini terhadap bumiputra dalam masaalah lapangan perniagaan supaya mereka tidak terus gagal di masa yang akan datang.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi kegagalan itu adalah atas interpretasi masing-masing. Walau bagaimanapun kita memang ada bahagian di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, satu Pusat Daya Pengeluaran Negara yang mana kita ada memberikan bimbingan-bimbingan serta kursus-kursus khusus untuk peniaga-peniaga bumiputra dan juga badan-badan Kerajaan lain seperti MARA, RISDA yang juga memberi bimbingan kepada peniaga-peniaga bumiputra. Satu lagi badan Kerajaan ialah PERNAS-EDAR di mana semua pelanggan-pelanggannya juga diberi bimbingan di dalam cara-cara mereka menjalankan perusahaan runcit.

PENGHUNI RUMAH PANGSA

9. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah beliau sedar iaitu rumah-rumah pangsa yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat mempunyai bilik-bilik dan ruang rumah yang kecil dan tidak mempunyai kawasan yang mencukupi yang menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada penghuni-penghuninya dan dengan ini tidaklah bererti samasekali sekiranya banyak lagi rumah-rumah pangsa didirikan, sedangkan keadaannya serupa dan terdapat berbagai-bagai masalah. Jika sedar, apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas sebab beliau tidak menyatakan ukuran yang dijadikannya sebagai perbandingan. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu bagi mengawasi supaya piawaian yang sesuai dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pembinaan rumah pangsa bagi menjamin yunit-yunit rumah yang dibina itu sesuai sebagai tempat kediaman yang sewajar (decent shelter).

Perlaksanaan sesuatu projek rumah pangsa adalah menurut prinsip dan amalan yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai garis panduan tertentu. Oleh yang demikian sekiranya sesuatu pelan itu diluluskan maka ianya dianggap telah mencapai piawaian yang diperlukan bagi melayakkan rumah-rumah itu didiami.

Bahagian soalan Ahli Yang Berhormat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah pangsa itu adalah juga kurang jelas. Yang Berhormat tidak menyatakan apa dia masalah-masalah yang dimaksudkan. Walau bagaimana setiap rancangan rumah pangsa samada ruang yunitnya itu besar atau kecil pasti mempunyai masalah-masalah tertentu oleh kerana ia tidak dapat memenuhi kesemua kehendak manusia yang lazimnya berbeza diantara satu keadaan dengan yang lain dan had kemampuan penghuni-penghuninya di samping langkah Kerajaan menimbangkan

kepentingan pihak-pihak lain yang masih menunggu mendapatkan peluang perumahan seperti itu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa bukanlah setiap Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat mengetahui ukuran berapa inci atau berapa kaki buca satu-satu bilik rumah pangsa. Soalan tambahan saya mengapakah rumah-rumah pangsa itu amat kecil dan tidak sesuai. Sedangkan rancangan-rancangan rumah murah yang telah dikeluarkan dahulu oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bekas Perdana Menteri mengatakan bahawa Kerajaan akan mengadakan rumah-rumah murah untuk rakyat jelata di seluruh negara kita. Memandangkan pada masa sekarang rumah-rumah murah yang ada sekarang adalah berharga \$15 ribu hingga \$20 ribu ke atas, rakyat miskin tak mampu untuk membelinya atau beyond the reach of our poor people. Adakah betul-betul rancangan untuk mengadakan rumah-rumah murah berharga \$6 ribu, \$7 ribu sehingga setinggi-tingginya \$10 ribu di mana kita boleh mengatakan "Inilah Rancangan Rumah Murah". Janganlah kita katakan sesuatu rancangan rumah murah yang berharga lebih daripada \$10 ribu itu dipanggil "Rancangan Rumah Murah".

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut soalan asal Ahli Yang Berhormat itu memang terkeluar, tetapi ada perkara yang disebut berkaitan dengan soalan asal iaitu berkenaan dengan luas kawasan itu. Luas kawasan itu adalah difahamkan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menganggarkan bahawa keperluan keluasan yang minima bagi sesuatu yunit rumah ialah 50 kaki persegi. Kesemua projek perumahan awam di negara kita ini mempunyai yunit-yunit yang mana ruangnya adalah melebihi had minima yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu. Selain daripada itu kalau Ahli Yang Berhormat sendiri dapat merojokkan terus kepada Kementerian saya bolehlah memberi keterangan yang lebih detil lagi mengikut kehendaknya, sebab soalan yang dikemukakan tadi adalah kurang jelas.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai takrif

rumah-rumah yang dikatakan murah dan bagaimana hendak memberikan kepada rakyat. Pertanyaan saya begini; memandangkan rumah-rumah murah yang diberi kepada orang-orang miskin atau flats yang diberi kepada rakyat adalah kebanyakannya serupa sahaja sedangkan pemohon-pemohon ada yang mempunyai 5 orang hingga 10 orang anak. Jika rumah-rumah dan flats itu dibentuk serupa hendak satu atau dua bilik sahaja maka ianya akan menyusahkan mereka pula. Jadi boleh atau tidak dibina rumah-rumah murah dengan 3 jenis ada yang satu bilik, ada yang dua bilik dan ada yang tiga bilik supaya orang-orang yang tidak berkehendakkan satu bilik disebabkan banyak anak maka mereka diperuntukkan dua bilik; kalau ada lebih banyak anak, maka mereka diberikan tiga bilik. Tetapi pada hari ini Kerajaan membuat rumah yang serupa iaitu satu bilik sahaja untuk satu unit. Jadi itulah sebabnya pada hari ini berlaku pergaduhan di antara Kerajaan dengan orang-orang yang memohon itu. Boleh atau tidak pada masa akan datang dibuat rumah-rumah yang ada dua tiga bilik seperti mana yang saya sebutkan tadi. Bolehkah dibuat supaya rumah itu benar-benar murah?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya bilik-bilik itu dibuat mengikut ukuran biasa iaitu tak kurang daripada 120 kaki persegi bagi satu bilik dan satu bilik lagi itu tidak boleh kurang daripada 70 kaki persegi. Ini boleh diadakan untuk sesebuah rumah yang dibangunkan dan rumah murah ini ada jenis rumah teres dan ada rumah sebuah. Tetapi rumah murah itu berharga \$7,500 satu unit dan ada rumah flats atau rumah pangsa. Rumah-rumah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi untuk keluarga lima orang anak atau kurang bagi ditentukan unit yang dikehendaki. Rumah itu telah sedia ada. Bilik-bilik ini boleh dibuat, rumah yang kita buat mempunyai flat rate supaya tidak membebankan penghuni-penghuni itu sendiri, kerana penghuni-penghuni terdiri dari orang-orang yang tidak berkeupayaan bagi membayar lebih mahal sekiranya kita membuat rumah yang besar. Jadi kita buat setakat kemampuan penghuni-penghuni membeli sendiri. Kalau mereka hendak tambah bilik dan sebagainya, itu memang sedia ada, berapa orang keluarganya pun boleh mencukupi dengan rumah yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

TAKSIRAN TAHUNAN RUMAH PANGSA

10. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat banyak rumah-rumah pangsa di Ibu Kota telah dikecualikan dari "Taksiran Tahunan" tetapi mengapakah masih banyak rumah-rumah pangsa di negeri-negeri di Semenanjung, dikenakan Taksiran Tahunan dan dengan kadar yang terlalu tinggi. Apakah tindakan beliau untuk mengatasi perkara ini supaya mengelakkan mereka yang berpendapatan rendah menerima beban yang lebih berat dari apa yang dialami.

Timbalan Menteri Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya dikecualikan dari dikenakan taksiran tahunan, tetapi rumah-rumah pangsa ini adalah rumah-rumah pangsa yang disewakan kepada orang ramai dan masih menjadi hakmilik Dewan Bandaraya. Bagi rumah-rumah pangsa seperti ini pengecualian diberikan daripada bayaran taksiran tahunan. Walau bagaimanapun, rumah-rumah pangsa yang dijual kepada orang ramai dan menjadi hakmilik orang ramai adalah dikenakan cukai taksiran.

Soalan Ahli Yang Berhormat itu mengenai rumah pangsa di Semenanjung Malaysia adalah tidak terang dan tidak boleh saya memberi jawapan yang tepat. Misalnya Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebutkan tuan-tuan punya rumah pangsa yang dimaksudkan itu kerana rumah-rumah pangsa bukan dibina atau dipunyai oleh satu pihak sahaja tetapi dibina atau dipunyai oleh berbagai pihak seperti berikut:

- (1) Rumah-rumah pangsa yang dibina dan dipunyai oleh satu Syarikat-syarikat Swasta.
- (2) Rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Syarikat-syarikat Swasta dan telah dijual kepada orang ramai dan telah menjadi hakmilik orang-orang perseorangan.
- (3) Rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Penguasa-penguasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun yang disewakan kepada orang ramai.

- (4) Rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Penguasa-penguasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun yang dijual kepada orang ramai dan telah menjadi hakmilik orang-orang perseorangan.

Bagi rumah pangsa golongan (1) dan (2) cukai taksiran dikenakan kerana rumah-rumah pangsa itu adalah hakmilik swasta dan orang-orang perseorangan. Rumah pangsa dalam golongan (3) cukai dikecualikan kerana penyewa tidak dikenakan cukai taksiran tetapi bagi rumah pangsa dalam golongan (4) cukai dikenakan kerana rumah-rumah pangsa itu telah menjadi hakmilik orang-orang perseorangan.

Mengenai kadar taksiran yang terlalu tinggi, perkataan "terlalu tinggi" ini juga adalah tidak jelas kerana cukai taksiran yang dikenakan kepada rumah-rumah pangsa adalah berbeza-beza di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Cukai taksiran biasanya dikenakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan berasaskan kepada peraturan-peraturan berhubung dengan taksiran yang dibuat oleh Penguasa Tempatan itu dengan kelulusan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkuasa terhadap Penguasa-penguasa Tempatan itu. Sekiranya Yang Berhormat itu ingin mendapat jawapan yang lebih tepat diharap beliau dapat memberikan kes-kes yang spesifik bagi mana-mana negeri yang didapati telah mengenakan kadar cukai taksiran yang terlalu tinggi bagi rumah-rumah pangsa supaya dapat Kementerian saya membuat bandingan-bandingan dan menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mengurangkan kadar-kadar taksiran sesuai dengan taraf hidup penghuni-penghuni yang terlibat. Kes-kes spesifik itu jika ada, boleh dikemukakan kepada Kementerian saya untuk dikaji.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berapa banyakkah rumah pangsa yang didirikan oleh Kerajaan di Wilayah Persekutuan dan bagaimanakah kepada pihak Bumiputra khasnya.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Ahli Yang Berhormat bertanya berapa banyak rumah pangsa didirikan saya minta notis tetapi atas berapa

banyak yang diberi kepada kaum Bumiputra, dasar Kerajaan adalah diikuti dalam pembahagian rumah-rumah kepada orang-orang Bumiputra.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Perkapalan saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1977 dibaca bagi kali yang kedua.

Adakah sebab orang Hong Kong, yang menanam modal itu pandai membawa kapal, bekerja dalam lapangan ini dan pengetahuannya luas. Saya yakin dan percaya mereka ini pun menanam modalnya di sini oleh kerana untuk mendapatkan keuntungan. Pada tahun yang lalu barangkali di dalam Dewan ini juga telah diperkatakan iaitu National Shipping ini berkehendakkan modal untuk menambahkan kapal-kapal. Wang untuk menambahkan kapal-kapal ini berkehendakkan jaminan Kerajaan Malaysia.

Yulee Stevedoring, Syarikat United Supply, Syarikat United Shipping. Di Singapura sepatutnya diberikan kepada PERNAS—MISC. Kemudian di Singapura Lloyd's Shipping ejennya.

Di Bangkok M.I.S.C. diwakili oleh Thailand International Shipping dengan Richard Sun salah seorang Lembaga Pengarah, sepatutnya diberi kepada PERNAS-M.I.S.C. Ini pengarahnya juga yang menjadi ejen (representative) di sana. Di Hong Kong dipunyai oleh International Maritime Carriers (I.M.C.) dan I.M.C. ini juga perunding

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan Akta Pindaan kepada Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1977 ini ialah oleh kerana ada beberapa perkara yang difikirkan perlu diperbaiki.

Tujuan Akta Pindaan ini ialah pertama, bagi memperluaskan kuatkuasa Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1977 ke Sabah dan Sarawak.

Tujuan kedua pindaan ini ialah untuk memansuhkan "The Modification of Law (Merchant Shipping) (Malaysia Registry) Order 1964".

Tujuan ketiga pindaan ini ialah bagi memansuhkan peruntukan undang-undang bertulis di Negeri Sabah dan Sarawak yang selaras dengan peruntukan Bahagian 11A Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1977 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lalu dan telah diistiharkan dalam *Warta Kerajaan* sebagai Akta A393 pada 17hb Mac, 1977. Pindaan tersebut ialah bagi membolehkan Kerajaan mengawal perkhidmatan perkapalan di dalam Perairan Malaysia (domestic shipping), iaitu apa yang disebut sebagai "cabotage policy". Ia juga bertujuan membolehkan Kerajaan menggalak dan memberi perlindungan kepada warganegara Malaysia untuk melabur dan mengambil bahagian yang cergas di dalam bidang tersebut.

Walau bagaimanapun, di dalam pindaan tersebut telah tidak memberi peruntukan-peruntukan undang-undang yang cukup bagi Akta pindaan itu diperluaskan kuatkuasanya meliputi Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, Bahagian I Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 perlu dipinda selaras dengan tujuan dan maksud ini dan memperluaskan penggunaan Akta ini ke Sabah dan Sarawak.

Saya juga suka memaklumkan bahawa pindaan yang akan dilakukan ini tidak akan memberi beban kewangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan untuk pertimbangan Dewan ini.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.37 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana Sabah dan Sarawak adalah satu kawasan di dalam Malaysia maka dengan sebab itu Rang Undang-undang ini patut diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan Malaysian National Shipping ini pada mulanya adalah diuntukkan supaya Kerajaan Malaysia mempunyai modal sekurang-kurangnya 100% di dalam national shipping ini, tetapi sayang sekali oleh kerana Kerajaan kita mempunyai cuma 61% sahaja saham-saham dan yang selebihnya sebanyak 39% adalah dipunyai oleh orang-orang daripada Hong Kong dan juga taukeh-taukeh yang ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, national shipping ini sepatutnya adalah tempat kita menengokkan supaya perkapalan ini dijalankan oleh bangsa Malaysia sendiri tetapi pada satu masa dahulu apabila saya bertanya di dalam Dewan Rakyat, maka dijawab oleh Menteri bahawa kita tidak ada kelulusan untuk membuat perkapalan kita sendiri—tidak ada pengetahuan. Sungguhpun saya tahu kita tidak ada mempunyai captain atau kelasi-kelasi yang berpengalaman tetapi sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita ada mempunyai modal untuk masuk di dalam perkapalan kebangsaan ini. Apa sebabnya orang Hong Kong dimasukkan di dalam perkapalan ini menanam modal dalam negeri kita? Ini satu perkara yang anih sekali dan tidak ada satu negeri yang membuat begini.

berani mengatakan supaya dijalankan penyiasatan di sana untuk mengetahui berapa orang bumiputra bekerja dan apa kerja mereka di sana.

Saya tidak tahulah apa sebab-sebabnya, boleh jadi orang ini terlampau kuat, orang ini terlampau powerful kata orang Inggeris, yang tidak siapa berani mengusiknya. Kalau diusik sahaja orang yang bercakap itu barangkali susah. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak boleh didiam-diamkan sahaja. Kita tidak boleh selalu berat sebelah, kita tidak boleh terus menengok

Akhirnya, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

3.54 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah bercakap memberikan pandangannya atas beberapa hal yakni khusus mengenai Malaysia International Shipping Corporation. Sebenarnya, saya tidaklah patut meniauh atas pandangan

Berhubung dengan tidak terdapat pegawai-pegawai bumiputra yang memegang jawatan-jawatan yang bertanggungjawab dalam M.I.S.C. rasa saya ini adalah kurang benar kerana pada masa sekarang ini memanglah banyak terdapat jawatan-jawatan yang boleh dipertanggungjawabkan dipegang oleh bumiputra dan rakyat bumiputra. Saya tidak hendak bercakap lebih panjang dalam masaalah ini oleh kerana sebagaimana saya katakan tadi masaalah yang harus dibahaskan di hadapan kita ini ialah masaalah pindaan kepada Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1977.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1978 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dan berkuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan tertentu yang bersampingan dengannya dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 disemak 1971, Akta Mahkamah Budak-budak 1947 disemak 1972, Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Kastam 1967 untuk tujuan menyusun semula pentadbiran Mahkamah-mahkamah Rendah. Jabatan Kehakiman telah mengkaji

dengan teliti masaalah-masaalah backlog yang semakin bertambah di mahkamah-mahkamah dan berpendapat bahawa sebagai satu jalan untuk mengurangkan backlog ini pentadbiran Mahkamah Rendah hendaklah disusun semula dengan:

- (a) Memperluaskan bidangkuasa Yang di-Pertua Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen supaya mereka boleh membicarakan setengah-setengah jenis kes yang sekarang ini dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi; dan
- (b) Memperluaskan bidangkuasa Majistret-majistret supaya mereka boleh membicarakan setengah-setengah jenis kes yang sekarang ini dibicarakan oleh Mahkamah Sesyen.

Pada masa ini terdapat 127 buah Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia yang dikendalikan oleh 26 orang Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen iaitu termasuk 4 orang Yang di-Pertua Khas dan 40 orang Majistret. Bidangkuasa jenayah Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen adalah termasuk di dalam seksyen 63 Akta Mahkamah Rendah 1948 dan memberi kuasa kepada seseorang Yang di-Pertua untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 10 tahun ataupun kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum di bawah beberapa seksyen dalam Kanun Kesiksaan (Penal Code). Di bawah seksyen yang sama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kuasa khas kepada seseorang Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen untuk membicarakan kes-kes yang membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 14 tahun dan juga kesalahan-kesalahan di bawah beberapa Undang-undang termasuk Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Senjatapi Penalti Lebih Berat tahun 1971 yang membawa hukuman penjara seumur hidup.

Seksyen 63 telah menimbulkan beberapa kesulitan dan perlu dipinda tiap-tiap kali dibuat perubahan dalam seksyen-seksyen yang berkenaan dalam Kanun Kesiksaan atau undang-undang yang disebutkan di atas. Oleh yang demikian Seksyen 63 telah dipinda untuk membolehkan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen membicarakan semua kes selain daripada kes-kes yang membawa hukuman mati. Dalam hubungan ini adalah dicadangkan supaya jawatan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Khas dihapuskan dan gelaran

mereka diubah kepada Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen. 16 buah Mahkamah-mahkamah Sesyen akan ditubuhkan di tiap-tiap bandar di mana ada Mahkamah Tinggi sekarang kecuali Perlis. Dengan bertambahnya bidangkuasa Yang di-Pertua-Yang di-Pertua adalah dicadangkan supaya mereka dilantik dari pegawai-pegawai perundangan yang telah berkhidmat tidak kurang dari 7 tahun.

Berkenaan dengan Majistret-majistret pula, Seksyen 85 Akta Mahkamah Rendah, 1948 memberi kuasa kepada Majistret-majistret Kelas Satu untuk membicarakan kes-kes yang membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 5 tahun ataupun kesalahan-kesalahan lain yang tertentu di bawah Kanun Kesiksaan. Sebagaimana halnya dengan Mahkamah Sesyen juga peruntukan ini telah menimbulkan kesulitan-kesulitan dan memerlukan pindaan dari semasa ke semasa. Oleh itu Seksyen 85 telah dipinda bagi membolehkan Majistret-majistret Kelas Satu membicarakan semua kesalahan yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun ataupun kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan denda sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kuasa membeli (purchasing power) telah turun dalam tahun-tahun kebelakangan ini maka Seksyen-seksyen 65 dan 90 Akta Mahkamah Rendah, 1948 telah dipinda bagi membolehkan Mahkamah-mahkamah Sesyen dan Majistret masing-masing membicarakan kes-kes sivil sehingga \$25,000 dan \$10,000. Sesuai dengan pindaan-pindaan mengenai bidangkuasa Seksyen 72 Akta Mahkamah Rendah, 1948, telah dipinda bagi membolehkan Mahkamah-mahkamah Sesyen membicarakan tuntutan-tuntutan sivil mengenai sewa dan sebagainya yang tidak melebihi \$24,000 setahun. Demikian juga Seksyen 93 Akta yang sama telah dipinda bagi membolehkan Majistret-majistret Kelas Satu membicarakan tuntutan-tuntutan yang tidak melebihi \$12,000 setahun.

Pindaan-pindaan yang bersampingan telah dibuat kepada:

- (a) Seksyen 102 Akta Mahkamah Rendah, 1948;
- (b) Perenggan 18 (5) di Jadual Ketiga kepada Akta yang sama;

- (c) Akta Cukai Pendapatan, 1967;
- (d) Ordinan Dadah Berbahaya, 1952; dan
- (e) Akta Kastam, 1967.

Pindaan yang bersampingan juga telah dibuat kepada Akta Mahkamah Budak-budak, 1947 bagi membolehkan Majistret-majistret membicarakan kes budak-budak yang pada masa sekarang boleh dibicarakan oleh Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen sahaja.

Untuk menentukan supaya pelaksanaan sistem yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini berjalan dengan berkesan Kerajaan bercadang:

- (a) Meningkatkan gred jawatan semua Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen;
- (b) Menambah bilangan Majistret-majistret;
- (c) Menambah bilangan kakitangan pembantu di Mahkamah-mahkamah seperti jurubahasa, kerani, bailif dan sebagainya;
- (d) Mengurangkan bilangan litaran-litaran (circuits);
- (e) Melantik lebih ramai lagi Majistret-majistret tetap (Resident Magistrates);
- (f) Membina lebih banyak rumah-rumah khas (Institutional Quarters) Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dan Majistret-majistret.

Penjelasan yang lebih lanjut ada diberi di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.10 ptg.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya mengalu-alukan pindaan-pindaan ini kerana satu bidang kuasa yang luas diberi kepada Mahkamah-mahkamah Rendah yang bertujuan untuk menyelesaikan kes-kes dengan lebih awal. Walau bagaimanapun saya suka hendak memberi amaran untuk

melaksanakan sepenuh-penuhnya pindaan-pindaan ini dan majistret-majistret, juru-juru bahasa, dan kerani-kerani baru kena diambil dan bangunan-bangunan mahkamah baru didirikan. Ini akan memakan masa yang lama atau bertahun-tahun, sementara itu sebaik sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan, saya percaya ia akan terus dilaksanakan. Kekhuatiran saya ialah bahawa Mahkamah-mahkamah Rendah sekarang ini mengalami kekurangan kaki-tangan yang serious keadaannya dan ketiadaan kemudahan-kemudahan bangunan dan ini sudah tentu akan menimbulkan masalah kesesakan dan kelewatan dalam menghakimi atau membincangkan kes-kes.

Sebenarnya setengah-setengah Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur menetapkan perbicaraan kes-kes untuk bulan Jun tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Another example, Tuan Yang di-Pertua, in relation to lack of buildings could be seen from the Kuala Lumpur Court. I am telling this as a result of my own experience in the court. Two Magistrates are sitting in one court at two different times. It is happening in Kuala Lumpur where when one Magistrate sits, the other Magistrate is just waiting for a place to come in. If anybody visits the court at that particular time, it could be seen that it is just not like a court, it is like a market, with all the people crowded therein, hanging around for their cases to be called—with all the lawyers—and it is very frustrating for the lawyers and the public as well as for everyone else present therein.

However, I am happy to note that the civil jurisdictions of the courts are being increased and the possibility that M.C.S. officers are going to be employed in future to overcome shortage in legal offices. My view is that the back-log of cases in the Magistrates' Courts could be overcome if the jurisdictions of the Second Class Magistrates are increased.

Tuan Yang di-Pertua, the relevant Section in the Subordinate Courts Act 1948 reads:

“A Second Class Magistrate shall only have jurisdiction to try original actions or suits of a civil nature where the plaintiff seeks to recover a debt or a liquidated

demand in money payable by the defendant with or without interest not exceeding two-hundred and fifty dollars.”

This law was passed in 1948. And then in 1972, the law came up for revision, and it reads also as follows:

“A Second Class Magistrate shall only have jurisdiction to try original actions or suits of a civil nature where the plaintiff seeks to recover a debt or a liquidated demand in money payable by the defendant with or without interest not exceeding two-hundred and fifty dollars.”

For nearly 30 years no amendment had been made to that. And it could be seen from the 1948 Act that the jurisdiction of the First Class Magistrate, in Section 90, was as follows:

“Subject to the limitations contained in the Ordinance, a First Class Magistrate shall have jurisdiction to try all actions and suits of a civil nature where the amount in dispute or the value of the subject matter does not exceed five-hundred dollars.”

In 1948, the difference between the First Class Magistrate and the Second Class Magistrate was only \$250, whereas in subsequent amendments—three or four amendments had been brought in—the jurisdiction of the First Class Magistrate had been increased to \$2,000. Why not the jurisdiction of the Second Class Magistrate be increased? Who can be Second Class Magistrates? The District Officers are the gazetted Second Class Magistrates, so are the Registrars and the Senior Registrars of the Courts. The Registrars and the Senior Registrars of the Courts are very experienced people who have knowledge in court matters, in law and in all the procedures. There are roughly 16 people, I understand. If they could be promoted and if their jurisdiction is increased to \$2,000 these-cases could be disposed of much earlier.

The other point is in regard to the designation of the President of the Sessions Court. With the increased jurisdiction, they can now try civil cases up to \$25,000 or they can impose life imprisonment. Is it not proper, at this stage, that we should consider to change their designation? Is it not proper that we should give some dignity to that particular office? I would suggest, Tuan Yang

di-Pertua, that their designation be changed to one of "Hakim Daerah" or "District Judge". This will be of much respectability.

Another aspect of the matter I would like to point out, Tuan Yang di-Pertua, is the position of the Penghulus. There are Penghulu Courts in this country but I have yet to see whether they are functioning or not. In 1948 itself it had been enacted and these are their jurisdictions; Section 94 of the Penghulu Courts Enactment, 1948 reads:

"The Penghulu Court may hear and determine original proceedings of a civil nature in which the plaintiff seeks to recover a debt or liquidated demand in money with or without interest not exceeding fifty dollars and in which all the parties to such proceedings are persons of Asian race and understanding the Malay language."

This was enacted in 1948. Now, let us look at the same provisions as revised in 1972. It reads like this:

"The Penghulu Court may hear and determine original proceedings of a civil nature in which the plaintiff seeks to recover a debt or liquidated demand in money with or without interest not exceeding fifty dollars and in which all the parties to the proceedings are persons of Asian race speaking and understanding the Malay language."

The provisions were made 30 years ago and no amendments have been made since, though the Minister has just now stated that the value of money has fallen. If the Penghulu Court is given higher jurisdiction to try cases up to \$500 in view of the fall in the value of money, I am sure all the Penghulu Courts in the kampungs and the villages could try these cases and dispose of them earlier and thereby reducing the difficulties to the kampung folks, estate workers and the villagers.

These are the views from me, Tuan Yang di-Pertua.

4.20 *ptg.*

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga untuk menyokong Undang-undang ini dan memberi beberapa pandangan terhadapnya.

Sebagaimana yang diketahui bahawa perubahan mahkamah-mahkamah samada Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi hingga Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kepada Perlembagaan negara kita. Di dalam pindaan yang ada di hadapan kita sekarang ini maka kuasa-kuasa Majistret telah ditambah, begitu juga kuasa-kuasa Mahkamah Sesyen. Maka saya adalah memberi tahniah di atas perubahan ini tetapi saya suka menyebut di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan pertalian di antara mahkamah-mahkamah di negara kita. Sebagaimana yang kita tahu mahkamah-mahkamah di negara kita ini selain daripada Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi sebagaimana yang dikatakan tadi, maka kita juga ada mempunyai Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tanah. Kuasa-kuasa yang diberi kepada Hakim-hakim dan Kadi-kadi itu tidak terkeluar daripada Perlembagaan, yang bererti kalau sekiranya Undang-undang itu dibuat menyalahi daripada Perlembagaan, maka Undang-undang itu dengan sendirinya menjadi tidak sah dan terbatal.

Apa yang saya hendak kemukakan di sini ialah beberapa percanggahan. Pada masa yang akhir ini kuasa-kuasa Mahkamah Syariah telah diberi dan taraf Kadi-kadinya telah dinaikkan. Kalau pada masa dahulu Kadi ini hanyalah membicarakan berkenaan perceraian, perkahwinan, nafkah sahaja tetapi sekarang ini kita melihat Undang-undang Mahkamah Syariah di dalam kebanyakan negeri-negeri di Malaysia ini telah memberi kuasa kepada Kadi-kadi ini boleh membicarakan harta sepencarian, boleh membicarakan siapa yang patut memelihara anak-anak itu selepas daripada perceraian suami-isteri. Perkara-perkara ini juga diberi kuasa kepada mahkamah-mahkamah yang lain, umpamanya berkenaan dengan harta sepencarian. Apakala seorang suami-isteri sudah bercerai ataupun akan bercerai maka ada kuasa Kadi itu menyelesaikan harta sepencarian apa yang patut isteri dapat dan apa yang patut suami dapat daripada harta yang diperolehi dalam masa mereka suami-isteri. Dalam perkara ini telah berlaku kerumitan, iaitu perkara tanah misalnya. Menurut di bawah Undang-undang Tanah, kuasa membicarakan tanah itu ialah Mahkamah Tanah dan Pemungut Hasil Tanah (Collector of Land Revenue) sahaja. Maka di dalam Mahkamah Syariah diberi kuasa kepada Kadi boleh membicarakan harta

sepencarian termasuk tanah. Tidakkah ini satu percanggahan? Dan Mahkamah manakah yang seharusnya membicarakan masalah tanah yang dipertikaikan dalam guaman menuntut harta sepencarian laki-bini itu? Dan di dalam membicarakan hal anak-anak siapakah yang patut memelihara anak itu selepas daripada perceraian di antara suami-isteri, nampak kuasa diberi, kepada Mahkamah Sesyen ataupun Mahkamah Tinggi boleh membicarakannya dan Mahkamah Syariah juga boleh membicarakannya. Jadi sudah tentu dengan adanya kuasa-kuasa di dalam Undang-undang yang tersebut ini telah menjadi bercanggah. Yang menyedihkan lagi apabila keputusan-keputusan yang bercanggah dibuat di antara dua mahkamah, maka keputusan Mahkamah Syariah itu biasanya diketepikan, begitulah tersebut di dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri di dalam Malaysia.

Bersempena dengan langkah meminda Undang-undang ini, yang memberi kuasa kepada Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen, di sini saya merayu supaya perkara-perkara yang seumpama ini sepatutnya tidak berlaku lagi dan patut diubah sama iaitu tentang menghadkan kuasa-kuasa itu. Kalau sekiranya di dalam perkahwinan Islam (Islamic marriage) diberi kuasa kepada Kadi-kadi, maka hak menentukan samada harta sepencarian, atau menentukan kanak-kanak itu siapakah yang patut memeliharanya, patutlah diberi kepada Kadi dengan tidak lagi diganggu oleh mahkamah-mahkamah yang lain. Begitu juga dalam harta sepencarian berkenaan tanah, kalau sekiranya pada pendapat Kadi itu bahawa harta sepencarian itu samada perkakas kemas, wang tunai, saham-saham, tanah dan sebagainya patut dibahagi dua misalnya, maka keputusan ini patutlah dihormati dan ini adalah menjadi hak Mahkamah Syariah. Tetapi dengan adanya keadaan sekarang ini dengan tidak berpinda, iaitu Mahkamah Syariah menjalankan mengikut peranannya dan mahkamah lain juga mengikut peranannya, kalau sekiranya bercanggah di antara dua keputusan itu maka keputusan Mahkamah Syariah adalah disingkirkan ataupun tidak laku. Ini adalah satu perkara yang mendukungan.

Saya harap dengan adanya pindaan Akta Mahkamah sebagaimana yang ada ini, perkara-perkara yang seumpama ini sepatutnya mendapat pertimbangan dan mendapat tilik

pandang daripada pihak Kementerian Undang-undang dan sepatutnya dibawa sama di dalam pindaan yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau macammanapun saya menyokong Undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada Tuan-tuan Majistret dan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen yang telah mendapat kuasa yang baru, iaitu ditinggikan kuasanya daripada yang ada sekarang kepada yang lebih tinggi lagi.

4.26 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Pindaan ini dengan seberapa ringkas.

Pertama sekali, saya menyokong pandangan Yang Berhormat salah seorang peguam yang baru sebentar bercakap tadi berhubung dengan supaya Kementerian ini dapat mengusaha memperbaiki mahkamah-mahkamah yang ada sekarang. Dalam kedaannya walaupun kita baikkan dalam perkara tambahan Undang-undang ini tetapi kita tengok banyak bangunan-bangunan mahkamah, samada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi sangat tidak sesuai dengan keadaan negara kita. Saya contohkan Mahkamah Rendah di Segamat sangat uzur. Keadaan ini kurang manis tarafnya sebagai kita menempatkan seorang Hakim di mahkamah itu. Dengan keadaan ini saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian.

Yang kedua, negeri ini bertambah ramai umatnya dan makmur serta mewah, banyak yang menganggur. Dengan sebab itu, banyak kes-kes tiap-tiap hari datang tetapi dengan adanya kuatkuasa Hakim-hakim kita hendak mengatasi masalah ini maka sebab itulah pindaan ini agaknya dibawa oleh Kerajaan. Kes-kes orang yang dituduh di mahkamah itu ada yang jemu menunggu kesnya supaya dapat diadakan di mahkamah. Keadaan ini juga patut kita perhatikan walaupun mereka itu dituduh di mahkamah tetapi dalam keadaan selama kes ini belum selesai selama itu perasaan tidak senang hati, gelisah, susahny akan berpanjangan. Dengan adanya kuatkuasa ini mahkamah akan dapat menentukan kesalahan, diberi keadilan kepada mereka.

Tuan Yang di-Petua, satu perkara yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apa usaha

Kementerian ini dalam mendapatkan Hakim-hakim kita samada Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah membicarakan kes-kes di mahkamah dalam negeri ini dalam Bahasa Kebangsaan. Kita telah merdeka 20 tahun dalam bidang Undang-undang ini atau membicarakan kes-kes di Mahkamah Rendah pun pada masa sekarang masih kekal lagi menggunakan Bahasa Inggeris. Jadi usaha hendak menggunakan Bahasa Kebangsaan itu berapa lama lagi kita boleh dapat ketentuan daripada Kementerian yang berkenaan. Yang kedua, saksi-saksi hendak menghadiri sesuatu perbicaraan di mahkamah itu menurut hemah saya patut diberikan elaun yang lebih sesuai dengan keadaan sekarang. Kalau kita beri dengan harga \$5 satu hari apa yang cukup. Sebagai pihak mahkamah memanggil mereka menjadi saksi-saksi dalam hal ini patut kita beri penghargaan kepadanya yang meninggalkan pekerjaannya pada hari itu patut kita berikan tambahan kepada mereka. Dan juga tempat duduk mereka yang hendak hadir ke mahkamah menjadi saksi patut kita hormati dia sebagai hendak memberi pertolongan kepada Kerajaan. Pada masa sekarang kita tengok kita dudukkan dia di tempat kaki lima, kadang-kadang kita dudukkan dia di bawah tangga. Itu keadaan yang tidak memuaskan pada segi kehormatan sebuah mahkamah dan orang yang hendak menolong Kerajaan. Jadi dengan keadaan ini mudah-mudahan ramai lagi rakyat dalam negeri ini gemar hendak menjadi saksi-saksi dalam satu-satu perbicaraan.

Akhirnya, saya berharap Kerajaan memberikan satu galakan atau peluang kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam kita bagi mengambil latihan supaya dapat mereka ini berlatih menjadi hakim dan boleh membicarakan kes-kes rendah yang bertambah tiap-tiap hari.

Itulah sahaja pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.31 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya tidak hendak mengambil masa yang panjang kerana hanya satu masalah sahaja yang saya hendak timbulkan di sini iaitu dalam meluaskan bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Majistret kita ini dan juga Mahkamah Sesyen.

Saya tertarik kepada satu masalah iaitu masalah di mana perkara yang sering berlaku seperti tindakan pihak yang berkenaan sekarang ini dalam mengatasi kejadian-kejadian kerosakan moral dalam negara kita yang mana kita ada mempunyai undang-undang yang dikenali dengan Undang-undang Syariah untuk mengatasi masalah kerosakan moral masyarakat kita. Ini khusus bagi penganut-penganut agama Islam tetapi kita sering dapati kes-kes yang terjadi dalam tindakan ini di antara pasangan Islam dan bukan Islam. Manakala pasangan yang beragama Islam dapat diadili di Mahkamah Syariah sesuai dengan undang-undang syariah tetapi apakala pasangan itu terkena kepada yang bukan Islam Mahkamah Syariah ini tidak ada kuasa menjatuhkan hukuman ke atas orang yang bersama melakukan kesalahan ini. Saya percaya Mahkamah Majistret ada mempunyai kuasa dalam masalah ini walaupun keadaan itu dilakukan di bawah kesalahan undang-undang syariah, hanya Mahkamah Kadi tidak boleh, tidak ada kuasa untuk menghukum orang yang bukan Islam, tetapi saya percaya mahkamah ataupun Hakim Majistret ada mempunyai kuasa dalam bidang kuasanya dalam menghukumkan masalah ini. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kes-kes seperti ini jangan dilepas bebas begitu sahaja semata-mata kerana alasan Mahkamah Syariah tidak ada kuasa untuk menghukum orang yang seperti ini maka Mahkamah Magistret ataupun Pendakwa Jenayah yang berkenaan terutama yang mengambil tugas di bawah Undang-undang Majistret ini supaya mengambil kes ini untuk dibawa ke Mahkamah Majistret bagi diadili sama.

Saya bukanlah hendak menyatakan masalah ini atas asas irihati kata orang-tidak. Irihati ertinya orang Islam sahaja dihukum, orang bukan Islam tidak dihukum. Bukan atas asas ini, tetapi atas asas sebenar-benar Kerajaan kita sekarang ini hendak mengatasi kerosakan moral yang sering berlaku dan kerosakan moral ini bukan hanya terhenti di atas penganut-penganut agama Islam sahaja bahkan juga kerosakan moral ini berlaku di kalangan orang yang bukan Islam. Dengan sebab itu apabila kesalahan ini dilakukan bersama oleh kedua golongan anggota penganut agama ini maka hendaklah tujuan asal untuk menghapuskan gejala-gejala yang tidak baik dari segi kerosakan moral ini hendaklah

diadili, tidak kecuali dia ini beragama Islam ataupun bukan sebab dia adalah anggota masyarakat dalam Kerajaan Malaysia.

Dengan sebab itu, saya rasa dalam bidang kuasa Mahkamah Majistret ini perlu kalau ada sesuatu sebab yang tidak membolehkan Mahkamah Majistret mengadili mereka yang bukan beragama Islam ini yang telah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Syariah tadi samada atas alasan kerana tidak ada pihak yang membawa kes ini ke Mahkamah Majistret, saya rasa perlulah diatasi masalah ini, samada dengan memberi kuasa kepada Pendakwa Jenayah Islam di bawah Jabatan Ugama ataupun diberi kuasa secara automatik kepada Pendakwa Raya di bawah Jabatan Undang-undang kita supaya dengan sendirinya kes-kes yang dibawa dalam Mahkamah Kadi itu apabila Mahkamah Kadi tidak boleh menghukum orang yang bersalah ini atas asas dia tidak beragama Islam, maka secara automatik Mahkamah Majistret hendaklah membicarakan kes ini.

4.37 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi apa yang saya hendak cakap di sini ialah berkenaan dengan Penal Code.

Tuan Yang di-Pertua, Penal Code ini bukannya hendak dipinda tetapi kita mesti menengok denda-denda atas kesalahan yang dilakukan di bawah Penal Code. Misalnya, sekarang kereta melanggar seorang dan luka, kemudian dibawa ke court. Mengikut hukuman barangkali tiga bulan jel. Tiga bulan jel itu boleh, tetapi finenya. Masa dahulu finenya \$40 atau \$50. \$50 dahulu dengan \$50 sekarang adalah berbeza, dengan sebab nilai wang yang ada pada hari ini dalam keadaan inflation, jadi tidak sesuai lagi kita pakai. Apa yang mesti kita buat ialah lebihkan finenya itu, sebab dahulu seorang Kerani bergaji \$30 sebulan tetapi pada hari ini seorang Kerani bergaji permulaan \$250-\$300 sebulan. 15 tahun dahulu seorang Malay Officer masuk menjadi MCS dengan gaji \$482 sebulan, hari ini hampir \$1,000 sebulan, masuk elaun barangkali \$1,000 lebih. Ini mesti kita bezakan, dengan sebab itu finenya mestilah ditinggikan daripada yang kita dapat dalam Penal Code.

4.40 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberikan cadangan-cadangan dan teguran-teguran di dalam perbahasan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) ini.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mahalingam telah menyentuh berkenaan dengan pelaksanaan peruntukan-peruntukan baru yang berkenaan dan beliau telah menyuarakan sedikit sebanyak kekhawatiran atas kekurangan kakitangan untuk memberi perkhidmatan kepada Yang di-Pertua-Yang di-Pertua dan juga Majistret-majistret baru yang akan dilantik.

Sukacita saya menyatakan di sini, adalah menjadi hasrat Kerajaan dalam konteks ini supaya apabila Yang di-Pertua-Yang di-Pertua ataupun Majistret-majistret baru dilantik, supporting staff seperti Jurubahasa, Bailiff, Kerani dan sebagainya akan dibekalkan dengan penoh supaya tiap-tiap Majistret-majistret dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen itu akan dapat satu set supporting staff supaya mereka dapat menjalankan fungsi-fungsi mereka dengan licin dan berkesan.

Berkenaan dengan pelaksanaan, saya faham ada sedikit sebanyak kekhawatiran yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Senator-senator berkenaan dengan kemungkinan kekurangan pelaksanaan itu, walaupun pindaan-pindaan kepada Akta Ibu ini diluluskan. Di sini barangkali sesuai juga sekiranya saya memberi sedikit penjelasan apakah sebabnya backlog terjadi pada masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh menyambung ucapan lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.43 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya faham akan kekhuatiran yang telah disuarakan, yang mengatakan perlaksanaan adalah penting sekiranya backlog dalam mahkamah-mahkamah kita dapat dirurangkan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum backlog itu adalah disebabkan oleh banyak sebab-sebab, di antaranya ialah orang ramai dalam negara ini telah bertambah kalau dibandingkan dengan angka-angka population kita pada masa yang lampau, banyak perniagaan-perniagaan dan industri-industri baharu pun telah wujud dalam negara kita dan oleh sebab itu perkembangan ekonomi dan sosial pun telah turut bertambah yang telah mengakibatkan banyak lagi kereta-kereta kita atas jalanraya dan sebagainya.

Satu lagi sebab, Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana pembangunan di negara kita ini adalah pesat pada masa sekarang dan rakyat pula tahu tentang hak-hak perindustrian di bawah undang-undang ini maka oleh sebab itu orang ramai telah kerap menggunakan peguam-peguam kita. Ini menyebabkan lebih banyak lagi rayuan-rayuan dalam mahkamah-mahkamah kita. Satu lagi sebabnya, ialah daripada tahun 1975 ataupun boleh dikatakan tahun tujuh puluhan itu corak jenayah kita telah berubah, iaitu the pattern of crime telah berubah dan penjenayah kita pun menjalankan jenayah-jenayah mereka itu dengan lebih sophisticated seperti kes-kes dadah dan jenayah-jenayah lain yang telah diberi hukuman yang lebih tinggi dan lebih berat dan oleh sebab itu kes-kes yang baharu telah diserahkan kepada Mahkamah-mahkamah Tinggi dan menjadikan lebih banyak backlog di dalam mahkamah-mahkamah itu. Lagi pun oleh sebab kita lebih bertamadun maka undang-undang baharu pun bertambah banyak dan oleh sebab undang-undang itu banyak jenisnya maka kesalahan itu pun turut bertambah juga dan itu pun telah menambahkan sedikit sebanyak backlog yang kita sedia ada.

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam telah juga menyentuh mengenai kekurangan mahkamah-mahkamah kita. Saya suka mengatakan kepada beliau dan untuk pengetahuan Dewan ini iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kedua memang ada rancangan 20 buah mahkamah baharu telah siap dibina di

tempat-tempat iaitu Kulim, Lenggong, Sitawan, Sungai Siput, Parit, Ipoh, Slim River, Petaling Jaya, Kajang, Rembau, Alor Gajah, Pontian, Rompin, Kuantan, Dungun, Pasir Puteh, Tanah Merah, Machang dan Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, mahkamah-mahkamah ini bukan sahaja sudah dibina akan tetapi ada 2 projek lanjutan juga yang sedang disiapkan dan juga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga iaitu di Jitra, Butterworth, Parit Buntar, Kroh, Taiping, Kuala Kangsar, Pantai Remis, Telok Anson, Tanjung Malim, Sabak Bernam, Banting, Sepang, Bahau, Kuala Pilah, Tampin, Port Dickson, Gemas, Jasin, Yong Peng, Temerloh, Pekan dan lain-lain tempat.

Berkenaan dengan mahkamah-mahkamah sekarang yang ada ditempatkan di Jalan Duta, saya suka menambah sedikit sahaja iaitu Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk membina sebuah bangunan 5 tingkat di Jalan Shaw, Kuala Lumpur mengandungi 14 bilik perbicaraan bagi mahkamah-mahkamah Sesyen dan Mejistret. Projek ini sedang diselenggarakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya yang telah bersetuju memberi keutamaan kepadanya dan dengan projek-projek itu, saya percaya kekurangan bangunan-bangunan mahkamah-mahkamah kita tidak akan timbul lagi.

Berkenaan dengan cadangan supaya bidangkuasa Second Class Magistrate itu ditambah saya percaya, Yang Berhormat Senator itu pun sedia maklum iaitu sebenarnya Second Class Magistrate kita sudah lama tidak lagi bertugas untuk membicarakan kes-kes. Mereka hanya membuat berbagai-bagai tugas administrative sahaja dan tidak naik ke mahkamah untuk membicarakan kes-kes.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamoud Salim bin Mohamad telah menimbulkan perkara Mahkamah Syariah berkenaan dengan kuasa membicarakan kes-kes kanak-kanak. Kalau saya tidak salah, perkara ini telahpun dibuat dan pada masa sekarang Mahkamah Syariah kita telah ada kuasa untuk membicarakan custody kanak-kanak kita.

Berkenaan dengan kuasa Mahkamah Syariah untuk membahagikan harta pesaka si mati, perkara ini memanglah pada masa sekarang ada dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi, akan tetapi apa yang penting ialah walaupun kes-kes pembahagian harta pesaka

itu dijalankan oleh Mahkamah Tinggi ia hanya dijalankan dengan nasihat dan dengan surat akuan yang diberi daripada Kadi kita.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah membangkitkan bahawa orang ramai telah jemu menunggu supaya kes-kes mereka itu dapat dibicarakan. Perkara ini berkaitan secara langsung dengan perkara backlog. Ini juga telah saya nyatakan tadi.

Berkenaan dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan di dalam perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah Tinggi, memanglah ada hasrat Kerajaan supaya pada satu masa nanti semua perbicaraan-perbicaraan dalam semua Mahkamah-mahkamah kita termasuk Mahkamah Tinggi dapat dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan yang makin lama makin berkembang. Hanya pada masa sekarang, untuk perbicaraan dalam Mahkamah Tinggi kita, banyak precedents atau kes-kes lama kita ikuti supaya kita menggunakan prinsip-prinsip di dalamnya yang masih dalam rekod bahasa Inggeris dan pada masa sekarang jika kita menukarkan bahasa rasmi dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi, saya percaya ianya akan timbul sedikit masalah teknik dan masalah praktik, akan tetapi cadangan itu adalah baik dan Kerajaan akan catitkan supaya dipertimbangkan dari satu masa ke satu masa.

Berkenaan dengan kenaikan elaun saksi-saksi kita yang menghadiri mahkamah-mahkamah untuk memberi bukti-bukti dalam kes-kes, benar sangat elaun ini hendaklah dinaikkan mengikut keadaan yang ada sekarang kerana nilai wang telah turun mengikut peredaran masa. Saya suka memberitahu di sini sebenarnya senarai-senarai ataupun jadual-jadual elaun untuk saksi-saksi kitapun telah direview dan baru-baru ini review itu pun baru siap dan tidak lama lagi senarai elaun-elaun yang baru itu akan diistiharkan.

Berkenaan dengan tempat tunggu oleh saksi-saksi kita dan juga latihan yang baik yang patut diberikan kepada majistret-majistret itu, saya akan ambil perhatian juga supaya kedua-kedua masalah ini dapat diperhatikan dan diperbaiki di mana-mana yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin telah membangkitkan satu hal yang sangat menarik akan tetapi rumit juga. Saya akan ambil perhatian atas masalah yang telah dibangkitkan itu. Pada

asasnya, ada wujudnya sekian-sekian kesalahan itu yang telah dikelaskan sebagai kesalahan ugama Islam dan oleh sebab itu harus dikendalikan oleh mahkamah-mahkamah ugama Islam dan juga, kesalahan-kesalahan itu mungkin tidak dikelaskan sebagai kesalahan dalam undang-undang yang bukan undang-undang ugama dan oleh sebab itulah timbul sedikit perbezaan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin itu. Akan tetapi perkara ini sedang dikaji juga oleh Peguam Negara kita. Saya percaya pada masa akan datang masalah ini akan dijelaskan supaya kekeliruan dan kerumitan itu tidak timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik telah menimbulkan perkara menaikkan amaun denda dalam Penal Code kita. Suka saya menjelaskan bahawa pada hakikatnya sebenarnya dalam Penal Code kita penalti itu ataupun hukuman-hukuman yang tercatat dalamnya tidak pernah menetapkan amaun denda, jadi denda dalam Penal Code itu memang terbuka, tidak terhad. Itu terpulanglah kepada budi-bicara majistret-majistret ataupun Yang di-Pertua-Yang di-Pertua ataupun hakim-hakim kita untuk memberikan fine ataupun denda-denda yang tidak terhad itu mengikut kes masing-masing.

Ada sebahagian daripada yang disentuh oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik mengenai denda-denda bukan dalam Penal Code, akan tetapi di bawah Road Traffic Ordinance. Dalam aspek ini sebenarnya Koad Traffic Ordinance kita telahpun dipinda dalam tahun 1975 supaya denda-denda di bawah undang-undang itu dinaikkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak yang dapat diberi penjelasan dan saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

kereta kita oleh kerana bah. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini adalah mustahak di mana kita dapat menentukan orang-orang yang melaksanakan projek-projek perumahan ini menurut undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia membuat rumah dia mesti tentukan ada parit-parit dibuat supaya air-air dapat mengalir dengan betul dan ada padang-padang yang tidak dibina rumah mesti ditanam dengan rumput-rumput supaya jangan ada hakisan.

Pada hari ini cuba tengok projek-projek perumahan yang dibuat oleh kontraktor disangkut oleh air-air ini. Jadi, saya ingat bagi pihak Kerajaan mesti menengokkan supaya

bermemor-memor seperti ini sebagainya telah ditimbusi lumpur sahaja. Jadi terpaksa Kerajaan membuat parit dan sebagainya.

Satu kejadian telah berlaku di Petaling di mana terdapat estet perumahan dekat simpang masuk ke Puchong dibuat projek perumahan, kampung yang sebelah bawah habis, Kerajaan pula terpaksa membayar duit parit untuk perumahan-perumahan ini. Jadi, dengan adanya Undang-undang ini berjalan mestilah ada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bill ini juga mesti ditentukan iaitu kalau dia tidak menurut perintah, misalnya, jikalau tanah yang di sebelah bawah jahanam

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5 18 ptg.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, adapun Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 telah dikanunkan dalam tahun 1974 tetapi pada waktu itu tidak dibuat kerana telah dibuat berkenaan

berkuasa tempatan untuk mengenakan syarat-syarat pada memberi sesuatu kelulusan mengenai pelan-pelan dan penentuan-penentuan yang dikemukakan. Pihakberkuasa tempatan adalah diberi kuasa untuk memerintahkan supaya kerja-tanah diberhentikan atau memasuki mana-mana tanah di mana kerja-kerja tanah sedang dijalankan dan melaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu. Peruntukan juga dibuat bagi hukuman di atas kesalahan-kesalahan di bawahnya.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 71 Akta itu bagi maksud mengadakan peruntukan bagi menghukum orang-orang yang bertanggungjawab atas kegagalan bukan sahaja di sesuatu bangunan tetapi juga kerja-tanah.

Fasal 5 bertujuan untuk membuat pindaan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Fasal 95A Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dalam persidangannya pada 29hb Disember, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Abli.

local Government tidak ada. Town Boardnya tidak ada. Kalau misalnya ada satu rantai daripada jalan bolehlah kita mengatakan di dalam seksyen 138 Anekmén Town Board itu boleh dikontrol, tetapi kalau tidak ada begitu bagaimana? Siapa yang akan menengoknya? Ini mesti juga diperhatikan oleh Kerajaan terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di tempat-tempat lain bukan sahaja, dalam Local Government tetapi di luar Local Government seperti hutan simpan. Hutan simpan ini kita tengok dibulldoze hutan ini kerana hendak dibuat jalan sampai ke atas bukit-bukit dan gunung-gunung untuk mengambil kayu. Jadi, apabila dibulldoze untuk membuat jalan ini dan apabila air hujan turun daripada sana sampai ke jalan, dan jalan pun bah, ini kita boleh tengok di mana-mana sahaja. Apakah tindakan Kerajaan mesti buat di atas perkara ini? Siapa yang bertanggungjawab? Adakah hutan simpan yang bertanggungjawab atau orang yang membuat satu jalan di mana ada satu trap supaya air ini tidak boleh masuk apabila air hujan turun, air ini turun daripada gunung-ganang sampai ke tepi jalan? Adakah dibuat satu tempat di mana air boleh menurun ke dalam parit-parit dan kalau tidak begitu jalan akan jahanam?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lombong-lombong sungguhpun pihak Kerajaan ada pegawai-pegawai lombongnya, tetapi kebanyakan air-air lombong ini juga air-air yang begitu keroh. Sungguhpun ada yang mengatakan beberapa sukatan sahaja

dan percaya pegawai-pegawainya sudah cukup, dengan sebab itu kita buat Rang undang-undang ini. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.35 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Rang Undang-undang ini, kerana dengan lulusnya Rang Undang-undang ini maka Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 akan lebih lengkap dan lebih kemas.

Pindaan yang penting yang dibawa ke dalam Rang Undang-undang ini ialah Fasal 3 berkaitan dengan apa yang dikatakan "Kerja-tanah". Kerja-tanah ini telah ditafsirkan kalau tidak silap saya di bawah Fasal 3 iaitu Seksyen 70A (18) yang berbunyi:

"(18) Dalam seksyen ini dan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya perkataan "kerja-tanah" termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas, atau menebang pokok, atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah."

Nampaknya tafsiran kerja-tanah ini adalah luas. Sekarang ini kalau saya hendak tebang pokok di kawasan perumahan saya, saya kena dapat permit dahulu, kalau tidak minta permohonan permit di bawah seksyen 70A (1), saya tidak boleh hendak tebang pokok. Inilah perkara-perkara yang patut kita jaga kerana luas sangat pengertian kerja-

Persekutuan atau Kerajaan Malaysia ataupun badan-badan Kerajaan. Nampaknya di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini Kerajaan tidak boleh dikenakan, jadi kalau kita lihat di bawah Fasal 3 iaitu seksyen 70A (13) ada disebutkan:

“(13) Peruntukan-peruntukan seksyen ini tidak boleh dipakai bagi kerja-tanah yang dimula atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri.”

Jadi, nampaknya Kerajaan tidak kena, Kerajaan Persekutuan tidak kena, Kerajaan Negeri juga tidak kena.

Saya tidak tahu samada Local Authorities kena atau Jabatan Kerajaan kena. Kita ambil contoh kerja yang dibuat menggali di hadapan Parlimen ini, katalah Jabatan Talikom hendak gali menanam atau letakkan kebel untuk menghubungkan Parlimen dengan ibusawat. Itu dibuatkan bagi pihak Kerajaan, jadi kontraktor-kontraktor itu, katalah, bukannya Kerajaan sendiri atau JKR (Jabatan Kerjaraya) tetapi telah ditawarkan kepada private contractor, kontraktor itupun tidak kena kepada peruntukan ini. Adakah ia dibebas atau dikecualikan daripada perkara-perkara tertentu untuk keselamatan meletakkan tanda-tanda memasang lampu di waktu malam adakah juga dibebaskan? Saya rasa ini tidak patut. Kalau kita hendak kenakan bukan sahaja kepada private contractor, kontraktor swasta, tetapi juga kepada sesiapa yang menjalankan bagi pihak Kerajaan kerana dalam undang-undang kalau umpamanya saya terjatuh dalam longkang ataupun jalan yang telah digalikan, sungguhpun oleh Kerajaan, tetapi saya berhak menuntut Kerajaan kalau dia tidak letakkan tanda-tanda yang tertentu. Mengikut common law memang itu sudah mempunyai hak.

Saya harap janganlah dengan adanya peruntukan ini—ini dikecualikan, dan saya tidak boleh menuntut Kerajaan, misalnya, kaki saya patah. Inilah perkara-perkara yang terpaksa kita pastikan, kalau kerja-kerja itu bagi pihak Kerajaan kita mesti kenakan juga kepada pemborong-pemborong yang menjalankan bagi pihak Kerajaan syarat-syarat yang tertentu supaya syarat-syarat keselamatan, syarat-syarat kebersihan tidak diketepikan, tidak dikecualikan, kita mesti kenakan sama juga barulah adil, kalau tidak mengikut perenggan yang saya baca tadi

nampaknya orang-orang yang demikian yang menjalankan kerja bagi pihak Kerajaan adalah terlepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya barangkali semua Ahli-ahli Yang Berhormat sudah jemu di Kuala Lumpur ini hari-hari ada yang digali, esok dikambus; hari ini digali, esok dikambus tempat yang sama juga, jadi tidak ada satu koordinasi yang dijalankan di antara Jabatan-jabatan Kerajaan yang penting. Kalau tidak hari ini talipon, esok pagi letrik; lusa air, lepas itu tidak cukup pula, besarkan pula jalan. Dalam tempoh 10 tahun di Kuala Lumpur ini boleh dikatakan hari-hari ada sahaja jalan yang digali, lepas itu sudahlah digali, dibiarkan tak tentu arah dengan tidak meletakkan tanda-tanda bahaya. Kadang-kadang waktu malam kalau takdirnya lampu tidak dipasangkan kerana rosak sub-station umpamanya, gelap lampu di jalanraya itu kita tidak tahu ada bencana di hadapan kita itu. Ini juga menjadi tanggungjawab, patut dikenakan syarat-syarat kepada siapa juga yang menggali dan sebagainya meletakkan tanda-tanda.

Yang sebaiknya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan kita memberitahu orang ramai, kalau kita hendak gali jalan ini, kita beritahu seawal-awalnya (advance notice) supaya orang mengelakkan jalan itu dan kalau boleh kerja-kerja yang kecil ini kita jalankan pada waktu malam. Di negeri-negeri lain, kerja-kerja ini dijalankan di masa tidak ada lalu-lintas yang banyak, waktu malam atau di hujung minggu yang mana lalu-lintas itu boleh dikatakan kekurangan, bukannya masa yang sebuk. Kadang-kadang saya hairan kenapa kita tidak tetapkan peraturan yang sedemikian.

Saya juga lihat ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang mana kadang-kadang pihakberkuasa samada Jabatan Letrik, Talikom atau Air menggali jalan ataupun menggali lubang di hadapan rumah-rumah tetapi dibiarkan berminggu-minggu sebelum dikambus. Ini kalau di jalanraya yang biasa itu kita nampak, tetapi kadang-kadang di jalanraya yang tidak berapa nampak oleh orang. Itu oleh kerana barangkali Inspektornya jarang lalu di situ, maka kontraktor-kontraktor yang membuat kerja itu lambat mengkambuskan. Mereka mengkambus itu kadang-kadang dengan buat tidak tentu arah sahaja, mahu tak mahu

sahaja, maknanya lepas dua tiga hari kita tengok tenggelam balik, terpaksa datang dua tiga minggu kemudiannya untuk menambak, meratakan semula. Perkara semacam ini patut juga diawasi, ini sering berlaku. Saya tengok di Kuala Lumpur ini banyak jalan-jalan yang apakala telah digalikan, lepas itu dikambus, terpaksa kita pula berhubung dengan Bandaraya memarahkannya, kenapa jalan ini dibiarkan begitu, tak dikambus, tiga empat minggu baru mereka datang. Ini juga membahayakan terutama sekali tuan-tuan punya tanah di Kuala Lumpur ini membayar cukai yang tinggi. Sebagai seorang pembayar cukai tanah, dia berhak mendapat balasan yang elok daripada Bandaraya. Inilah perkara-perkara yang patut ditimbang. Janganlah oleh kerana ada Undang-undang ini kita tidak laksanakan dengan sepenohnya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyatakan sokongan penuh saya terhadap Rang Undang-undang ini.

5.44 ptg.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974. Pada keseluruhannya pandangan-pandangan yang diberi oleh kedua-dua Senator itu adalah pandangan yang membina dan saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua mereka.

Saya sedar bahawa di beberapa kawasan-kawasan, khasnya di kawasan perumahan ada beberapa masalah yang ditimbulkan pada masa yang lalu khasnya oleh kerana kerja-kerja tanah ini tidak dikawal, oleh sebab itu ada tanah runtuh dan apabila hujan lebat maka kawasan-kawasan seperti ini telah menjadi bah ataupun banjir dan telah menyusahkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan perumahan dan juga di tempat-tempat sekeliling dengan kawasan perumahan. Dengan tujuan itulah kita membuat pindaan ini untuk mengawal keadaan ini dan saya akan menjamin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita akan mengambil segala tindakan yang perlu untuk melaksanakan pindaan ini di tempat-tempat yang dikehendaki.

Berkenaan dengan kawasan-kawasan di luar bandar yang dirojok oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, pada masa sekarang Akta ini boleh dikenakan atau dikuatkuasa di bawah seksyen 1 (b) dan boleh juga melantik pegawai-pegawai yang akan bertanggungjawab untuk mengawal bukan sahaja dalam kawasan Local Government tetapi juga luar dari Local Government, syarat-syarat atau Akta ini boleh dipakaikan.

Berkenaan dengan perkara hutan dan kerja-kerja yang dibuat oleh beberapa pihak di hutan dan menimbulkan beberapa masalah, Pegawai Hutan melalui beberapa Undang-undang ada juga kuasa mengawal perkara-perkara ini dan saya fikir perkara ini bolehlah dirojok ataupun memanglah akan diambil perhatian oleh Pegawai-pegawai Hutan dan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

Begitu juga berkenaan dengan kawasan-kawasan lombong, ada juga Merinyu Lombong yang ada kuasa melalui beberapa Enakmen untuk mengawal kawasan-kawasan tersebut dan perkara inipun memanglah akan diambil perhatian oleh pejabat tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan juga mengambil kesempatan ini untuk menjamin kepada beliau bahawa pindaan ini dibuat oleh sebab pindaan ini sangat perlu untuk mengawal masalah-masalah yang timbul di beberapa tempat dan kita ada penoh hasrat untuk melaksanakan pindaan ini.

Berkenaan dengan Fasal 3 yang dirojok oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator bahawa Fasal 3 (18), kerja tanah adalah diberi makna atau erti yang sangat luas dan barangkali boleh disalahgunakan, tetapi untuk mengawal masalah yang timbul melalui kerja tanah jika kita tidak ada makna atau erti yang seluas-luasnya seperti ini, kita tidak boleh dengan sepenoh-penohnya menjaga masalah-masalah yang timbul. Walau bagaimanapun, ini akan dijaga dan untuk mengecualikan kerja-kerja yang dibuat oleh bukan kontrekter-kontrekter yang besar tetapi mengorek dekat rumah atau lain-lain ada kecualian yang diberi di bawah seksyen 70A (17) (e). Ini kita akan memberi kecualian melalui ini dan

hanya kerja tanah yang menimbulkan masalah dan yang akan memberi kesusahan kepada nyawa dan harta benda. Perkara-perkara ini kita harap untuk menjaga melalui Akta Pindaan itu.

Berkenaan dengan perkara di bawah Fasal 3 (13) bahawa peruntukan-peruntukan seksyen ini tidak boleh dikenakan kepada Kerajaan Malaysia ataupun sesuatu Kerajaan Negeri, ini memang benar. Kerajaan Pusat ada mempunyai sovereignty dan bertanggung-jawab (responsible) dalam apa-apa kerja atau tindakan yang dijalankan. Tetapi agen-agen Kerajaan seperti kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja itu mestilah dikenakan syarat-syarat yang serupa dalam pindaan ini dan dalam kontraknya atau perjanjian (agreement) yang akan diadakan dengan pihak Kerajaan dan kontraktor syarat-syarat yang ada dalam Akta ini memanglah dikenakan kepada kontraktor yang menjalankan kerja-kerja bagi pihak Kerajaan. Jadi, mereka tidak akan dikecualikan.

Saya juga fikir pandangan berkenaan dengan galian atau beberapa tempat di Wilayah Persekutuan atau kawasan-kawasan di bawah Pihakberkuasa Tempatan yang digali beberapa kali, ini memang benar berlaku oleh kerana beberapa development yang sedang dijalankan, tetapi kita berharap melalui pindaan yang ada ini, kita boleh mengenakan syarat-syarat yang ada dalam pindaan ini kepada kontraktor-kontraktor yang membuat kerja-kerja menggali tanah dan selepas itu, jika mereka tidak menimbus semula tempat-tempat itu, kita boleh kenakan syarat-syarat dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Senator-senator yang mengambil bahagian dan saya memberi jaminan bahawa kita akan melaksanakan pindaan ini untuk mengawal keadaan di tempat-tempat di mana kerja tanah sedang berlaku dan di mana kerja tanah akan menimbulkan beberapa masalah. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.57 *ptg.*

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah dikanunkan pada awal tahun 1976. Sehingga hari ini Akta itu telah dipakai oleh beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Sementara beberapa buah negeri lagi sedang membuat persediaan untuk memakainya. Dalam masa 1½ tahun semenjak Akta itu dikanunkan didapati beberapa pindaan perlu dibuat untuk menyesuaikan keadaan-keadaan dan memperbaiki peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan takrif baru iaitu "nilai tambah" (improved value). Takrif ini perlu diadakan untuk membolehkan Pihakberkuasa Tempatan membuat asas alternatif bagi taksiran kadar di bawah Fasal 13. Peruntukan yang sedia ada bagi tujuan mengenakan cukai taksiran atas asas nilai tahunan akan menentukan keseragaman bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Namun demikian, keadaan-keadaan tempatan yang berbeza di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini memerlukan asas nilai alternatif untuk menentukan kesesuaian alternatif itu bagi negeri-negeri berkenaan. Misalnya, ada negeri-negeri yang menggunakan nilai tahunan bagi menilai harta benda tetapi ada pula negeri yang menggunakan nilai tambah (improved value).

Sekiranya Akta Kerajaan Tempatan, 1976 hendak dilaksanakan di negeri-negeri di mana sistem nilai tambah ini dipakai maka terpaksa penilaian semula dilakukan bagi harta-harta yang dinilai mengikut asas nilai tambah kerana yang dibenarkan oleh peruntukan yang sedia ada ialah nilai tahunan. Penilaian semula harta bagi tujuan ini memakan perbelanjaan yang banyak dan juga memerlukan tenaga pekerja yang besar dan akan juga memakan masa yang panjang. Oleh hal yang demikian, amatlah perlu diberikan alternatif di bawah Fasal 13 dengan menambah peruntukan bagi penggunaan asas nilai tambah supaya negeri yang sekarang ini memakai sistem ini boleh terus memakainya setelah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dikuatkuasakan di negeri-negeri.

Fasal 3 bertujuan untuk membolehkan Pihakberkuasa Negeri melantik bilangan maksima 24 orang Ahli-majlis-ahli-majlis ke Majlis Daerah sama banyak dengan yang terdapat dalam Majlis Perbandaran tanpa merujuk kepada Menteri. Di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada sekarang ini Pihakberkuasa Negeri hanya boleh melantik bilangan maksima seramai 12 orang sebagai Ahli-ahli Majlis Daerah. Sekiranya perlantikan hendak ditambah sampai kepada 24 orang, Pihakberkuasa Negeri hendaklah mendapatkan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab mengenai Kerajaan Tempatan. Oleh kerana Majlis-majlis Daerah yang diwujudkan di bawah Kerajaan Tempatan, 1978 ini kebanyakannya adalah lebih besar kawasannya daripada Majlis Perbandaran, maka had keliannya 12 orang difikirkan tidak mencukupi kerana ada negeri-negeri yang terpaksa melantik bilangan yang lebih daripada itu untuk menentukan bahawa Majlis Daerah itu mempunyai Ahli-majlis-ahli-majlis yang boleh mewakili penduduk di seluruh kawasan Majlis. Oleh yang demikian, perlulah peruntukan ini diubah untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri melantik bilangan maksima 24 orang sama seperti kuasa yang diberikan bagi melantik Ahli-Majlis Perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 17 (1) Akta itu dengan mengadakan kaedah-kaedah supaya lebih banyak jenis hukuman boleh dikenakan ke atas seseorang pegawai atau pekerja Pihakberkuasa Tempatan yang telah melakukan kesalahan tata-tertib. Peruntukan-peruntukan yang ada sekarang menyekat kuasa

Pihakberkuasa Tempatan membuat kaedah menyekat tata-tertib. Hanya 3 jenis hukuman sahaja boleh dikenakan di bawah peruntukan sekarang iaitu:

- (a) Menurunkan pangkatnya.
- (b) Menurunkan gaji; dan
- (c) Mengenakan denda yang patut.

Pindaan kepada fasal ini adalah memberikan kuasa yang lebih luas kepada seseorang Penguasa Tempatan supaya boleh mengenakan denda-denda yang lain sebagaimana yang didapati di dalam Bab "D" Peraturan Am Kerajaan.

Fasal-fasal 5 dan 6 bertujuan untuk memperkemas kehendak-kehendak tertentu Odit dan penyediaan budget.

Fasal 7 bertujuan untuk memberi kuasa kepada seseorang pengawal alternatif iaitu seorang Pegawai Veterinar untuk memutuskan samada daging binatang-binatang yang di sembelih itu layak atau tidak layak untuk makanan manusia. Peruntukan yang ada sekarang memberikan kuasa hanya kepada Pegawai Kesihatan sahaja tetapi oleh kerana didapati ada Pihakberkuasa Tempatan yang menggaji Pegawai Veterinarnya sendiri dan untuk meringankan beban kerja Pegawai Kesihatan maka kuasa juga diberikan kepada Pegawai Veterinar.

Fasal 8 bertujuan untuk menambah kuasa Pihakberkuasa Tempatan untuk memberi pendahuluan-pendahuluan wang bagi maksud memperoleh atau mendirikan bukan sahaja rumah-rumah kediaman pangsa-pangsa, tetapi juga rumah-rumah kedai atau bangunan-bangunan perindustrian atau perdagangan. Peruntukan yang ada sekarang ini menghadkan kuasa Pihakberkuasa Tempatan untuk memberi bantuan-bantuan wang hanya bagi mendirikan rumah-rumah kediaman atau rumah-rumah pangsa sahaja. Tetapi oleh kerana peranan Penguasa Tempatan juga meliputi bangunan di dalam bidang-bidang lain termasuk perindustrian dan perdagangan maka kuasa ini diperluaskan untuk perkara-perkara tersebut itu.

Ini membolehkan misalnya penguasa-penguasa Tempatan untuk menyempurnakan tanggungjawabnya di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk mengadakan rumah-rumah kedai dan bangunan-bangunan perniagaan untuk kaum bumiputra khususnya di kawasan-kawasan bandar.

Fasal 9 memberi kuasa kepada Pihakberkuasa Tempatan untuk menempatkan bayaran-bayaran dan caj-caj melalui undang-undang-kecil, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 103 Akta itu dengan mengadakan peruntukan bahawa bukan sahaja undang-undang kecil tetapi juga kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan hendaklah disahkan oleh Pihakberkuasa Negeri sebelum kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu mempunyai kuatkuasa.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 104 Akta itu supaya Pihakberkuasa Tempatan boleh menetapkan penalti-penalti tertentu bukan sahaja bagi pelanggaran undang-undang kecil tetapi juga bagi pelanggaran kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.

Fasal 12 bertujuan untuk membetulkan kesilapan tiap sahaja.

Fasal 14, 15 dan 16 adalah untuk membuat pindaan-pindaan yang berbangkit daripada pindaan Fasal 2 dan 13 yang telah saya terangkan pada mula-mula tadi.

Fasal 17 adalah untuk membetulkan suatu kesilapan kerana di bawah undang-undang yang dipakai hanya senarai taksiran sahaja yang disebut tetapi senarai penilaian tidak.

Fasal 18 bertujuan untuk membetulkan kesilapan-kesilapan taip dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah di sini bahawa sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang ini telah disetujui oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan dalam persidangannya pada 29hb Disember, 1977 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.06 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya suka bercakap berkenaan Fasal 13 iaitu penilaian tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kami yang duduk di Wilayah Persekutuan, iaitu ada beberapa kampung Malay Reservation, satu daripadanya Kampung Segambut Bahagia di bawah kawasan Yang Berhormat Tuan Subramaniam sendiri, selain dari itu Kampung Batu, Kampung Selayang, Kampung Chempaka dan Sentul di dalam kawasan saya. Semua kampung-kampung ini adalah Malay Reservation. Kami telah menerima penilaian harta dan dininya pada kami membayar assesment sebanyak 5% bagi tahun 1978.

Ketua-ketua UMNO, ketua kebajikan masyarakat berjumpa dengan saya merayu kepada Kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Subramaniam, sebab termasuk kawasannya ditangguhkan bayaran assesment ini kepada tahun 1980. Sebabnya dua alasan. Alasan pertama, dalam Negeri Selangor, apa sahaja Kerajaan Negeri Selangor hendak menjalankan tugas-tugasnya, kami dipanggil mesyuarat, khasnya ketua-ketua UMNO, tetapi Datuk Bandar tak panggil kami bermesyuarat, tiba-tiba hantar nilai harta, suruh bayar 5% pada tahun 1978. Jadi, saya minta ditangguhkan pada tahun 1980.

Alasan kedua, di kampung-kampung yang saya sebutkan tadi jalanraya tak ada, sila datang di rumah saya, lihat sendiri jalan itu seperti jalan kereta lembu, jalan tak ada, longkang tak ada, market Batu Village dan Sentul, macam kandang lembu. Sekolah agama tak dijaga, Dewan Masyarakat tak ada, padang permainan tak ada, Dewan Serbaguna tak ada. Adakah ini kami hendak bayar assesment? Kami merayu kepada Timbalan Menteri berkenaan, supaya tangguhkan perkara ini sehingga tahun 1980. Mengenai assesment itu kami tak mempersoalkan 5%, kami sanggup bayar, tetapi nilai-nilai itu tolong timbangkan kerana terlampau tinggi nilainya. Macam rumah saya dinilai \$5,000. Saya fikir tak patut. Ada separuh rumah dinilai \$7,000 sedangkan rumah papan. Ini pun hendak minta ditimbangan balik, penilaian juga bayaran assesment ini tangguhkan selagi tak ada jalanraya, tak ada sekolah, tak ada paip air, tak ada lampu jalan, dan sebagai tak ada pasar dan Dewan Serbaguna.

Jadi, saya bagi pihak orang-orang Melayu yang duduk di kampung-kampung itu, minta pihak Kerajaan sekali lagi ditangguhkan sehingga pada tahun 1980.

Sekianlah sahaja dan semua pindaan itu, saya menyokong untuk diluluskan.

6.10 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang ini iaitu satu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sokongan saya ialah seperti mana yang telahpun dihuraikan oleh Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini seperti menambahkan nilai tahunan, menambahkan lagi bilangan ahli-ahli Majlis Daerah atau Ahli-ahli Majlis lain dan mengadakan lebih jenis hukuman dikenakan kepada seseorang pegawai dan kakitangan atau pekerja Pihak-berkuasa Tempatan. Begitu juga meluluskan pendahuluan wang bagi maksud-maksud yang tertentu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu mendirikan rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai dan kakitangan pekerja Majlis Tempatan, rumah-rumah kedai, bangunan-bangunan dan juga meluaskan dan menyegerakan lagi kawasan industri dan perdagangan dalam kawasan yang dikuasai oleh Majlis Tempatan. Ini semuanya saya sokong dan saya berharap juga kepada Menteri berkenaan dengan adanya lulus pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 kita berharap supaya perkhidmatan Badan-badan ini atau Majlis-majlis yang di bawah kuasa ini hendaklah disusun semula pentadbirannya supaya cita-cita kita dan cita-cita rakyat yang duduk dalam kawasan Majlis ini dapat ditunaikan oleh pihakberkuasa tempatan.

Semua taxpayer mengharapkan sampahnya dibuang. Jikalau banyak nyamuk minyak nyamuk mesti dismbur, kalau jalan itu buruk dibaiki. Jikalau jalan itu tanah merah mesti ada tanah merah yang kuat dan bubuh batu untuk diperkuatkan. Jikalau jalan itu bertar ditarkan lagi. Mengenai keadaan-keadaan setengah Majlis Tempatan, baru dalam sebulan atau bulan ini telah diperkatakan ada kampung-kampung sekeliling di bawah jagaan Perbandaran Ipoh menghadapi kesulitan berkenaan dengan majlis. Sampai dua tiga hari najis-najis itu belum lagi dibuang. Kementerian Kesihatan dan Kerajaan kita selalu mengulang-ulangkan balik supaya Kesihatan

rakyat dalam Malaysia ini patut dijaga dan dibaiki kehidupan kesihatan mereka itu walaupun di kampung, walaupun di desa walaupun di bandar. Kerana apa itu? Oleh sebab kita dapat sekarang banyak kerja-kerja ini ada diberi cara kontrek. Dalam Ibu kota iaitu Bandaraya Kuala Lumpur misalnya ada banyak Yang Berhormat bercakap, di sana kotor, di sini kotor, di sana bertimbun sampah-sampah, di sini bertimbun sampah-sampah dan lalangnya penoh, lalang di sana, lalang di sini dan kalau kita tengok lagi boleh dikatakan macam-macam barang yang tidak elok dipandang ada di dalam Ibu Kota Kuala Lumpur. Tetapi kita baca dalam suratkhbar telahpun dirancangan dengan harapan Kuala Lumpur ini akan menjadi satu kota yang betul-betul mewakili negara kita sebagai bandaraya, sebagai ibu kota bagi negara kita.

Saya bersetuju atas pendapat mengatakan kita sekarang sedang menghadapi pengangguran. Jadi, patutlah diberi kepada kontrektor-kontrektor; kalau untuk cuci jalan biarlah dia cuci jalan, kita beri kepada kontrektor ini, jikalau dia angkat najis kita beri orang specialised dengan mengangkut najis. Kalau kita hendak korek lobang hendak tanam bunga berilah kepada kontrektor ini. Tetapi penalty yang kita sebut dalam undang-undang ini cuma penalty iaitu hukuman kepada pegawai dan kakitangan. Tidakkah ada penalty dikenakan kepada kontrektor-kontrektor yang tidak menjalankan tugas mengikut di dalam kontrek? Jadi undang-undang kecil ini jikalau ada dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini fasal berapa; saya tidak ingat tetapi patut ini diperkuatkan lagi.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin ada mengatakan mengapa kita tidak buat kerja, baik untuk membaiki jalan atau mengorek lubang di waktu malam. Tengok jiran kita. Bila saya sebut jiran, saya sebutkan Singapura, iaitu ibu kota Singapura kerja di waktu malam. Tidak ada masalah bekerja masa malam, bukan tidak ada letrik, kita banyak letrik di Kuala Lumpur ini. Di Singapura penaltynya saya dapat tahu adalah very, very stiff. Jikalau pekerja itu tidak menjalankan pada masanya, mesti disiapkan satu-satu kerja itu jikalau lepas masanya, penalty itu adalah cukup tinggi. Kita patut ikut contoh itu juga. Jadi berbalik kepada taxpayer, kita tidak gaduh sebagai taxpayer saya ingat saya tidak gaduh jikalau nilai (annual value) satu-satu harta di dalam

bandar itu dalam Majlis Tempatan itu dinaikkan bahkan telah dinaikkan. Suara taxpayer tidak dapat hendak protes walaupun ada protes, nilai ini naik juga kalau tidak buat. Tetapi harapan taxpayer ini, tembok kita itu ada rumput, patutlah dibersihkan dan patut dipotong. Sekarang bagi kepada kontraktor, jadi kontraktor cukup bulan terima duit, siapa hendak tentukan, supervisor mana yang hendak menentukan kerja itu buat atau tidak. Dan kadang-kadang, jikalau lebih kita buang sampah di depan rumah kita, jikalau tong sampah kita itu berlebihan, ada pula cukai kepada orang yang mengangkat sampah itu, bayar \$1 sebab extra mengangkat pokok pisang masuk dalam lori. Ini terjadi dan semua orang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit perkara mengenai masalah Perbadanan Petaling Jaya. Saya sukalah membawa pandangan saya ini dan saya harap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan akan membuat penyiasatan di atas perjalanan Perbadanan Petaling Jaya yang lama mengenai perkara-perkara yang saya sebutkan ini, Majlis itu ada dua, iaitu yang lama dan yang baru.

Majlis Bandaran Petaling Jaya ialah yang lama dan sekarang ini adalah dinamakan Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyiasat, saya suka juga memandangkan pada masa hadapan iaitu Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam sampai ke bandar Kelang, boleh dikatakan dalam masa 10 tahun kawasan yang saya sebutkan ini akan menjadi city—hubungan City sama City. Petaling Jaya akan menjadi City yang besar pada suatu hari nanti melihatkan kepada perkembangan pembangunan di dalam Petaling Jaya dan juga Shah Alam sekarang ini mungkin menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, dan juga di Kelang oleh sebab ada pelabuhan negara kita di sana, itu juga akan menjadi City. Kawasan yang dimajukan oleh Kerajaan sekarang ini adalah daripada Kuala Lumpur membawa ke Kelang, sepanjang jalan adalah dimajukan oleh Kerajaan dan juga pihak swasta, ada dari segi cara perumahan, dari segi cara membangunkan industri dan bermacam-macam pembangunan di situ.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan kita ialah akan menjadikan kawasan daripada Kuala Lumpur sampai ke Kelang serupa dengan the State of California iaitu City in

the City. Memandangkan kepada kemajuan kita yang pesat pada hari ini dijalankan oleh Kerajaan, ini mungkin akan terjadi, not impossible but possible during our time. Tetapi kalau itu tujuannya maka hari ini Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan mahulah menyediakan pelan induknya supaya menuju kepada target ini. Bahkan hari ini; saya duduk di Petaling Jaya, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, iaitu Kementerian ini yang menjadikan Petaling Jaya ke taraf Municipality, daripada Bandaran menjadi Municipality dan kawasan itu telah diluaskan sampai ke Sungai Way dan juga Subang termasuk ke dalam pentadbiran Perbandaran Petaling Jaya. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan pentadbirannya. Daripada 9 batu persegi Petaling Jaya mentadbirkan, mengasaskan sudah bertambah lagi 10 batu persegi menjadi sekarang ini 17 batu persegi di atas penjagaan Municipality Petaling Jaya. Tetapi apa yang saya dapat tahu pentadbirannya tidak kemas, kekurangannya adalah banyak dalam segi teknisyen, dalam segi akitek, dalam segi perancangan dan planning.

Sekarang baharulah saya hendak bawa perkara yang saya hendak sebutkan tadi iaitu seperti panggung wayang Ruby dan sebuah kompleks perniagaan mendapat kebenaran untuk didirikan di atas sebidang tanah di Seksyen 21 pada hal tanah ini telahpun diuntukkan dalam planningnya untuk membina sebuah kolam mandi, pusat bowling, tennis court dan sebuah recreation club. Bagi tiap-tiap sebuah bandar, Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan seperti ini adalah mustahak bagi penduduk-penduduk di kawasan itu. Jika kita memandangkan kepada negeri mana juga kemudahan-kemudahan ini ada iaitu recreation field tempat kita mengambil exercise, mengambil segala aktiviti untuk memberi kesihatan badan kita tetapi Perbandaran Petaling Jaya telah meluluskan lagi penting panggung wayang Ruby daripada yang diuntukkan pada asalnya.

Kedua, sekeping tanah di kawasan Paramount Garden untuk dibina sebuah sekolah telah didirikan panggung wayang Paramount dan dua deret rumah kedai sebahagiannya dipunyai oleh pegawai-pegawai atasan Perbandaran Petaling Jaya. Oleh kerana pusat perniagaan baharu ini beberapa kesulitan telah timbul. Pertama sekali berkenaan dengan kesulitan lalu-lintas yang sangat

sebok. Dan adakah perkara untuk meluluskan replanning iaitu membatalkan rancangan ini telah dirujuk kepada pihak Negeri oleh kerana Pihakberkuasa Petaling Jaya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita nampaklah bahawa panggung wayang juga menjadi hasrat Majlis Perbandaran Petaling Jaya daripada mendirikan sebuah sekolah walhal penduduk-penduduk di Petaling Jaya hari ini sudah bertambah tiap-tiap tahun dan kanak-kanak pun hari ini telah mendapat kesusahan hendak mencari di mana hendak masuk sekolah, ada yang terpaksa masuk sekolah jauh daripada rumahnya. Ini soal yang telah berbangkit.

Sekarang ini pula oleh sebab kesesakan lalu lintas di roundabout dekat Paramount Garden, Paramount Theatre, terpaksa pula membuat satu pelan bagaimana hendak mengalih (divert) jalan ini. Ini adalah memakan perbelanjaan yang besar juga. Dan saya katakan dengan adanya sekarang Municipality Petaling Jaya mengawasi kawasan 17 square miles termasuk Petaling Jaya sendiri, Subang dan Sungai Way tetapi didapati kakitangan-kakitangan dahulu di Majlis Bandaran telah menjadi kakitangan Perbandaran, orang itu juga mengambil alih. Tetapi tidak ada seperti di Ibukota Kuala Lumpur ini kita dapati beberapa unit telahpun ditubuhkan, ada unit berkenaan dengan akitek, ada unit berkenaan dengan engineer, ada unit berkenaan dengan future planning dan beberapa unit lagi seperti Engineering Unit tetapi di Petaling Jaya ini tidak ada melainkan pegawai-pegawai yang lama dimasukkan balik kepada Perbandaran yang baru. Bagaimana mereka hendak menjalankan pentadbiran walhal di Bandaraya Kuala Lumpur, Datuk Bandarnya iaitu Tan Sri Yaacob Latiff adalah seorang yang berpengalaman luas, seorang civil servant yang berkaliher. Bagaimana pula dengan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya, apa kelulusannya, M.C.S. kelas berapa, pegawai kelas berapa, berapa lama dia bekerja di dalam Kerajaan, dan saya tahu tidak ada engineer yang ada experience melainkan junior engineer.

Satu kawasan besar yang mempunyai begitu banyak tanggungjawab, cuma ada dua tiga orang engineer sahaja. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian ini supaya jangan lupa, jangan sekali-kali memandang seorang; saya tidak ada personal grievances dengan siapa juga yang bekerja di dalam

Municipality Petaling Jaya—tidak ada. Ini ialah oleh sebab saya seorang penduduk di dalam kawasan itu. Saya tahu perkara ini dan juga berkenaan dengan undang-undang yang tidak dikenakan kepada semua, undang-undang yang dikenakan, misalnya bangunan tambahan; ada orang yang boleh buat, ada orang yang tidak boleh buat; kena beri deposit, baharu diluluskan. Ada orang yang tidak payah bayar deposit diluluskan. Ini saya sendiri sudah bentangkan kepada Menteri Kerajaan Tempatan, tidak payahlah saya hendak ulang balik, perkara ini telah saya rujuk kepada pihak yang di atas.

Apa yang kita tidak mahu jikalau kita tidak ada susunan atas perkara ini, mungkin apa yang kita dengar mengenai Municipality Melaka akan terjadi kepada Perbandaran Petaling Jaya. Ini satu contoh yang besar. Apa yang saya cakapkan tadi adakah diketahui oleh pihak yang berkuasa pada masa itu iaitu Kerajaan Negeri Selangor. Jikalau perkara ini dibuat tanpa pengetahuan dan kelulusan pihak Exco Negeri, maka ini adalah salah dari segi undang-undang.

Saya berhadap Menteri yang berkenaan akan menyiasat perkara-perkara yang saya sebutkan ini. Apa yang dikehendaki oleh penduduk di kawasan Petaling Jaya ialah perkhidmatan (services) yang baik. Misalnya jikalau kita ada buat permohonan hendak buat extension kepada bangunan kita, mestilah tidak tunggu sampai 6 bulan, baru kita dapat jawapan samada boleh atau tidak.

Kadang-kadang jikalau kita tidak sabar, kita buat extension sendiri dengan tidak mendapat kelulusan daripada Majlis Tempatan, maka kita akan kena fine oleh kerana kelambatan. Bagi pembayar cukai (taxpayer) jikalau sudah ada services ini, sekiranya hendak dinaikkan 21% annual revenue pun tidak akan berasa tidak puas hati, sebab services sudah diberi. Yang tidak memuaskan hati ialah kerana hendak menaikkan cukai sahaja bagi menjalankan pentadbiran Majlis Tempatan dan banyak kita baca dalam Audit Report yang menyatakan kebanyakan Majlis Tempatan, Majlis Tempatan Daerah, pekan atau bandar, tidak dapat menjalankan pentadbirannya oleh sebab selalu menghadapi deficit. Tetapi mengapa di bandar-bandar yang kecil berlaku deficit? Orang tidak hendak membayar assessment rate yang tinggi kerana tidak ada perkhidmatan. Saya bawa perkara ini untuk perhatian pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya akhiri dengan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

6.39 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dengan kuatnya dan saya akan cuba membuat ucapan saya dalam perbahasan ini dengan seberapa ringkas yang boleh. Walau bagaimanapun saya akan menyentuh atas enam perkara sahaja.

Pertama sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa Akta Kerajaan Tempatan ini belum dapat diterima oleh semua negeri dalam Malaysia ini. Saya menganggap bahawa ini adalah kelemahan; Kerajaan Tempatan mempunyai satu kelemahan, kenapa mereka tidak mendapat kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat diselaraskan semua Akta Kerajaan Tempatan di seluruh tanahair.

Baru-baru ini Kerajaan telah menyusun Majlis-majlis Daerah dalam tanahair kita dan pula beberapa negeri tidak mahu terima, tidak mahu bekerjasama. Dengan keadaan ini sampai bila pun kesulitan, kelicinan penduduk-penduduk dalam Majlis Tempatan itu tidak dapat diselesaikan.

Saya harap Kementerian ini akan mencari satu jalan bagaimana hendak membuat satu usaha supaya Akta ini dapat diselaraskan di seluruh tanahair kita. Di antara punca yang menyebabkan Kerajaan Negeri tidak mahu terima ialah Kerajaan Tempatan selalu berjanji bohong, katanya mereka akan memberi satu peruntukan kewangan kerana pemulihan Majlis Daerah itu, malangnya wang itu sampai dua tahun masih tidak tiba walhal Majlis itu kesulitan kewangan kalau hendak mengikut polisi Majlis Daerah yang ada ini menggunakan wang yang banyak. Sumber kewangan yang mereka dapat selain daripada hasil pekan-pekan itu, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang memberinya. Tetapi kalau Kerajaan Pusat lambat menghulurkan bantuan kepada Majlis-majlis Daerah ini, kelicinan pentadbiran itu tidak dapat dipermudahkan. Itulah perkara yang patut diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua, tadi telah dikatakan berhubung dengan nilai tahunan yang dibuat pada tiap-tiap perumahan dalam Majlis-majlis Daerah. Saya tidak hendak bercakap dalam masaalah orang Melayu sahaja, saya mengharapkan supaya disesuaikan dengan taraf hidup ditempat itu. Kalau keadaan tempat itu miskin, nilaiannya janganlah kita tinggikan. Ini tertakluk bukan sahaja kepada orang Melayu, tetapi juga kepada orang yang bukan Melayu, kerana Majlis-majlis Tempatan yang telah dijadikan Majlis Daerah bukan semua orang tempatan, saya percaya. Tetapi apabila mereka duduk dalam Majlis Daerah yang baru, kena nilai yang tinggi, mereka terkejut. Oleh itu, saya harap pegawai-pegawai yang membuat penilaian ini hendaklah disesuaikan dengan keadaan hidup penduduk-penduduk ditempat itu. Ini satu perkara yang saya fikir dapat kerjasama penduduk-penduduk di situ kepada Ahli Majlis Daerah.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Majlis Daerah ini mengambil contoh yang dibuat oleh Kerajaan Tempatan di negeri Johor. Ini sesuai untuk mendapatkan hasil. Tiap-tiap bangunan rumah yang ada dalam Majlis Daerah yang ditepi jalanraya sejauh setengah batu, hendaklah dikenakan pelan. Daripada pelan itu kita akan dapat hasil. Tiap-tiap rumah yang di tepi jalanraya sejauh setengah batu, kita kenakan pelan. Daripada pelan ini kita dapat mengutip hasil untuk kewangan Majlis Bandaran. Kami sudah buat dalam negeri Johor. Tujuannya baik, rumah-rumah dapat disusun, kemudahan-kemudahan asas boleh diberi kepada mereka dan rumah-rumah dapat teratur, mengikut nasihat Majlis Bandaran.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan Ahli-ahli Majlis Daerah yang ada pada masa sekarang, setengah-setengah Majlis Daerah hanya mempunyai 12 orang dan sekarang hendak ditambah hingga 24 orang. Ini saya sokong, sebab perkara ini menjadi satu kelemahan bagi Majlis-majlis Daerah, sebab kawasannya bila kita susun semula lebih luas. Tetapi saya harap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada pengambilan Ahli-ahli Majlis Daerah ini, janganlah hanya mendapat nasihat sesebuah parti sahaja. Sebab kadangkala bila kita mengambil orang ini melalui parti, maka rasa tidak puas hati kepada orang-orang yang berkenaan akan timbul.

Tatkala itu kepincangan dalam Majlis Daerah itu akan berlaku. Walau bagaimanapun kita beri penghormatan juga kepada parti. Dalam pemilihan itu saya harap supaya dipilih orang yang ada mempunyai kelayakan, yang ada taraf boleh mentadbir, menjadi Ahli Majlis Daerah itu, sebab Pengerusinya Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah.

Kalau kita dapat orang yang ada mempunyai pengalaman atau pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara, maka ini akan menolong pentadbirannya kepada lebih baik. Ini satu usaha dan tanggungjawab yang sangat besar. Kalau kita ambil orang sebarang maka perjalanan pentadbiran Majlis Daerah itu tidak akan baik. Ini adalah satu pandangan yang difikirkan patut diberi perhatian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah masaalah kaedah jenis hukuman. Ini amat baik. Dulu kita cuma kenakan dengan kuatkuasa tatatertib. Tetapi Majlis Perbandaraan ini ada banyak pegawai-pegawainya yang melakukan perbuatan curang dalam pentadbiran atau salah guna kuasa. Dengan adanya kuatkuasa Undang-undang ini, kita boleh mengambil tindakan kepada mereka. Dan ini sangat baik. Kadangkala ahli, pegawai-pegawai atau kakitangan dalam Majlis Perbandaran, mereka membuat satu kerja dengan sesuka hati mereka, seolah-olah mereka boleh berkuasa di dalamnya hinggalah menyusahkan penduduk-penduduk di tempat itu. Dengan adanya kuatkuasa undang-undang yang seumpama ini, akan berkesan. Perkara kecurangan itu saya fikir tidak akan berleluasa pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata akan dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini Pegawai Haiwan. Ini sangat baik, sebab Majlis Daerah merupakan majlis yang luas. Pada masa dulu daging yang dijual dalam Majlis Daerah itu kalau bagi orang Islam, daging yang tidak di sembelih, lembu mati, dibawa ke dalam pasar, dijual kepada orang ramai. Lagi satu binatang umpamanya saya sebutkan babi, tidak ada satu ayat yang lebih hampir lagi, dijual di dalam Majlis Daerah yang mana ianya adalah mempunyai penyakit. Binatang itu sudah hendak mati, mereka bawa ke

pasar dan jual kepada orang ramai. Ini disebabkan tidak ada Pegawai Haiwan yang duduk di dalam Majlis Daerah ini. Ini satu kerja yang amat baik demi kesihatan-kesihatan penduduk-penduduk dalam daerah itu.

Satu perkara lagi yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membiarkan bahawa rumah penyembelihan binatang-binatang kecil dalam Majlis Daerah itu patut diadakan supaya segala binatang yang hendak dijual di dalam pasar Majlis Daerah itu dapat disembelih, dipotong di tempat itu dan dapat ditengok oleh Pegawai Kesihatan dan juga Pegawai Haiwan.

Akhirnya saya sangat gembira, kerana Kerajaan Tempatan akan meluluskan pendahuluan wang pada Majlis-majlis Daerah dengan tujuan yang tertentu yang lebih luas kerana hendak buat kedai dan buat rumah. Saya harap selain daripada rumah dapat juga dibuat pasar. Pasar dalam daerah itu boleh Kerajaan pinjamkan kepada Majlis Perbandaran itu untuk digunakan bagi faedah dan kepentingan penduduk-penduduk dalam daerah itu.

Selain daripada pasar, pawagam atau panggung wayang, kita patut juga beri kebenaran kepada mereka supaya dapat mereka dirikan sendiri dalam kawasan itu. Ini satu perkara yang sangat baik menurut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri dan di antaranya bila bangunan kedai didirikan, rumah akan didirikan dan ianya akan diberi peluang kepada bumiputra berniaga di dalam Majlis Perbandaran. Ini saya sangat alu-alukan tetapi peruntukan wang itu patut diberi sebanyak mana yang diminta oleh Majlis Perbandaran itu dengan jalan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan minta kepada Perbandaraan supaya dapat dipercepatkan.

Itulah sahaja, pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

6.50 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

(Dengan izin) The world does not require so much to be informed as reminded. Hence, let me not miss this occasion to remind our benevolent Government to give serious consideration about minority representation at all levels where their numerical strength

or individual service merits a place, particularly in the District Councils now that the number is being increased to twenty four. Tuan Yang di-Pertua, I have pondered into this in depth and I feel this is a fair and reasonable request and I am grateful to a fellow Senator Yang Berhormat Datuk Ahmad bin Arshad for airing the same views. Tuan Yang di-Pertua, a word spoken in season at the right moment is a matter of ages.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil peluang ini menyuarakan perasaan kumpulan minority. Adalah selalu dikatakan bahawa kumpulan minority mesti menderita, tetapi saya berpendapat sejauh mana mereka patut menderita terpulanglah pada dasarnya kepada mereka sendiri. Tetapi ini tidak mungkin terjadi di negara kita Malaysia khususnya di peringkat Persekutuan.

Kami sungguhlah berbesar hati kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad kerana kata-kata baik dan ingatan mesra mengenai perkara tersebut di atas dan juga kerana membangkitkan perkara ini di Dewan Rakyat tentang perlunya diadakan seorang wakil minority di Dewan yang mulia ini. Kalau tidak, tidaklah mungkin saya berdiri di sini menyuarakan isi hati saya hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya di Dewan yang mulia ini pada 22hb Disember, 1977 saya telah menyuarakan terima kasih dan besar hati bagi pihak kaum minority kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan juga kepada ahli-ahli Kabinet yang bijak dan saksama yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Hussein Onn yang bijaksana kerana mengingati kami dan juga jasa-jasa taat setia kami di masa yang lampau kepada negara buat beberapa tahun lamanya. Bagaimanapun kaum majority yang di dalam Kerajaan boleh membuatkan mereka gembira dengan memberikan mereka peluang mendapatkan tempat dan pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin meminta Kerajaan Persekutuan khususnya Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan kita membuat satu permintaan khas kepada Kerajaan Negeri mengadakan seorang wakil bagi kaum minority ini dalam

Majlis Daerah, badan-badan berkanun dan lain-lain. Misalnya, di mana-mana terdapat seseorang yang layak dilantik sebagai wakil kaum minority di satu-satu kawasan, lantiklah ia.

Sir, allow me to repeat, I make a strong plea for a minority representation in the District Councils in towns where there is one of us worthy of a seat so that we can hope to serve our country and nation at best as members of a creative unity pledge to support the Barisan Nasional.

Dan begitulah dan "lah" adalah satu perkataan yang lembut dalam Bahasa Malaysia for in conversation it acts like a tranquiliser dan begitulah juga patut dilakukan terhadap keadaan yang sama dengan hal yang di atas. Saya telahpun membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini pada 21hb April, 1977 di mana saya telah menyeru supaya perwakilan-perwakilan di semua peringkat pertimbangan diadakan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ini akan mewujudkan suasana muhibbah dan perpaduan kaum serta memajukan negara kita.

6.55 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur mengikut penilaian (assessment) ada tempat-tempat macam mana Yang Berhormat rakan-rakan saya menyatakan di mana didiami oleh orang-orang miskin. Saya maknakan orang-orang miskin ini iaitu orang-orang yang berpendapatan rendah. Mereka ini terutama sekali di Kampung Bahru dan Datuk Keramat dan lain-lain tempat yang ada orang-orang miskin tinggal di situ. Tempat-tempat lain yang diduduki oleh orang-orang China dan orang India ada juga di Kuala Lumpur ini di mana pendapatan mereka rendah dan tidak patut sekali nilainya (ratanya) ditinggikan, kerana jikalau dinaikkan nilai tentu sekali mereka ini tidak dapat membayarnya.

Selain daripada itu berkenaan dengan perumahan. Kalau kita tengok bagaimana keadaan di Singapura, saya telah beberapa kali bercakap berkenaan Kuala Lumpur ini, banyak setinggan-setinggan lebih kurang 200,000 orang di sini. Di dalam tempoh 20 tahun merdeka, kita boleh kira berapa buah flat yang didirikan di Kuala Lumpur ini. Saya

ingat hasil di Kuala Lumpur ini banyak kalau dibandingkan dengan Singapura. Saya yakin dan percaya Kuala Lumpur hasilnya tidak begitu ketinggalan daripada Singapura, kalau kita tengok Singapura pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah setingan atau rumah-rumah yang tidak setingan, rumah-rumah kampung yang buruk-buruk sudah dekat habis. Tetapi di Kuala Lumpur kalau masa interview rumah, kita boleh tengok berpuluh-puluh ribu orang meminta, bertahun-tahun orang meminta tetapi tidak mendapat rumah. Ini saya yakin dan percaya adalah kelalaian baik pun Kerajaan Pusat ataupun ibukota Kuala Lumpur. Jikalau dikatakan tidak bertanah ini tidak mungkin oleh kerana banyak tanah dan State Land ada di Kuala Lumpur ini. Ini bukan dipunyai oleh orang, kalau difikirkan ini adalah dipunyai oleh orang ramai barangkali itu mahal. Tetapi bekas-bekas lombong yang ditinggalkan ini hendak didirikan rumah-rumah orang kaya atau hendak diambil oleh orang kaya-kaya untuk perumahan? Jadi dengan sebab itu ini adalah kesilapan kita. Kalau betul-betul untuk membasmikan kemiskinan ataupun dasar Kerajaan kita untuk memberi rumah kepada orang-orang miskin supaya menahan kominis atau fahaman kominis masuk ke kepala rakyat maka saya yakin dan percaya Kerajaan mestilah mendirikan rumah-rumah murah di Kuala Lumpur ini dengan seberapa segera yang boleh. Sebab rakyat tidak lagi tahan menunggu, maka ini adalah desakan rakyat. Yang Berhormat Menteri boleh menjawab dan memberi alasan dalam setahun, dua tahun lagi akan didirikan, tetapi selepas setahun dan dua tahun selepas itu akan dijawab seperti itu juga. Tuan Yang di-Pertua, saya takut rakyat tidak percaya lagi kepada Menteri, dengan sebab itu perkara ini tidak bolehlah untuk dipermain-mainkan rakyat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keadaan di Kuala Lumpur dan lain-lain tempat, jikalau ada pembesar-pembesar datang daripada luar negeri barulah pekan itu dibersihkan. Barulah bunga diletak, pokok bunga barulah diambil daripada Lake Gardens diletakkan di pekan Kuala Lumpur ini. Tetapi jikalau sudah pergi sahaja pembesar-pembesar ini bunga-bunga sudah hilang. Cuba tengok di Singapura, pokok-pokok ditanam di tepi-tepi jalan, bukan dipasukan tetapi ditanam betul-betul di mana-mana sahaja. Apa sebabnya di Kuala Lumpur ini tidak boleh dibuat demikian? Tidak ada

sebabnya Kuala Lumpur tidak boleh buat begitu. Kita ada mempunyai kakitangan yang banyak, jikalau dikatakan kita tidak mempunyai kakitangan, tetapi kita mempunyai kakitangan yang cukup banyak di Kuala Lumpur. Jadi tidak ada sebabnya dibuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, ada seorang Ahli Yang Berhormat kita mengatakan berkenaan dengan Petaling Jaya. Saya adalah seorang daripada Ahli Majlis Bandaran Petaling Jaya, ada yang betul dan ada yang tidak. Tuan Yang di-Pertua tahu atau tidak di Petaling Jaya banyak mengutip hasil-hasil dan di Petaling Jaya, kita ada membuat satu hall yang cukup besar, lebih besar hall Petaling Jaya daripada hall yang didirikan oleh Bandaraya Kuala Lumpur, lebih moden, lebih cantik, begitu juga berkenaan dengan jalan-jalan dan lain-lain. Tetapi kita katakan hendak pembangunan yang lain, ada pepatah Inggeris mengatakan: Rome was not built in a day. Tahukah atau tidak iaitu di Subang Jaya, Sungai Way New Village, Kampung Tunku dan Damansara Utama, ini semua tempat-tempat yang telah dibina oleh developers selain daripada New Village di Sungai Way, yang lain semua dibina oleh developers. Tempat ini jikalau tidak diambil alih oleh Majlis Bandaran Petaling Jaya, tempat ini telah menjadi satu tempat yang tidak ada dapat apa-apa pun. Subang Jaya adalah satu tempat yang telah ditukarkan syarat tanah itu dan telahpun dibuat pembinaan-pembinaan di sana. Apa authority yang akan mengambil alih Subang Jaya, apa authority yang akan mengambil alih Sungai Way New Village, satu tempat yang miskin dan apa authority yang akan mengambil alih Damansara Utama, Kampung Tunku dan sebagainya. Dengan sebab itu Kerajaan Negeri Selangor telah mengatakan daripada 9 batu campur 8 batu, iaitu 17 batu persegi dinamakan Petaling Jaya yang besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Petaling Jaya ini baru sahaja, belum lama lagi. Apa yang Berhormat Datuk Seri Hussein mengatakan itu benar, belum cukup engineers, belum cukup kakitangannya, sebab daripada 1-1-1978 baru diambil alih yang dikatakan "Greater Petaling Jaya". Insya Allah, Greater Petaling Jaya ini akan dapat apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hussein itu. Di Petaling Jaya sahaja recreation ground ada dua tiga. Apa yang dikatakan tempat hendak dibuat sekolah tetapi dibuat panggung wayang itu betul, itu tak tahulah saya apa

sebab-sebabnya. Anti-Corruption terpaksa menengokkan apa sebabnya perkara ini terjadi bahawa tempat ini telah ditukar, sebab siapapun tak tahu, daripada sekolah ditukar dan dijadikan panggung wayang.

Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat yang telah dimasukkan di dalam Perbandaran Petaling Jaya. Tempat-tempat yang ada banyak orang miskin, macam Sungai Way New Village, di waktu darurat di situlah ditempatkan orang-orang miskin supaya jangan pengganas komunis masuk ke dalam tempat itu, maka telah dipagar dan pada hari ini tempat itu adalah di tengah-tengah sekali. Ada tempat orang Melayu yang dikatakan old section, di situ juga mestilah direndahkan assessment oleh kerana pendapatan-pendapatan orang di situ cukup rendah, kalau boleh serendah-rendahnya diberi lebih kurang 6-7% setahun. Itu adalah antara Kerajaan Federal dengan Local Authority di Petaling Jaya. Ini kita mesti tengokkan oleh kerana ini juga berlaku di tempat lain oleh kerana di tengah-tengah itu ada satu jalanraya yang besar sekali menuju ke Kelang dan ke Kuala Lumpur. Siapa hendak menengok tempat ini, di kiri-kanan jalan itu setahun pun tidak dibersihkan rumputnya, paritnya jarang sekali dibersihkan. Ini adalah tanggungjawab public works, setahun sekali baru dibersihkan, ataupun kalau ada lalang kontrektor mana yang membersihkan, lalang itu dibakar dan terbakarlah di tepi jalan itu, itulah cara hendak membersihkannya. Jadi mestilah ada badan ataupun pejabat-pejabat yang bertanggungjawab di atas perkara jalan-jalan yang seperti ini kerana local authority tidak bertanggungjawab di atas jalan Federal ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ini kita nampak sungguhpun pekan ini cantik, indah sebagaimana, tidak siapa menengokkan lubang-lubang di sana-sini. Pekan Kuala Lumpur ini cuba kita tengok di tepi jalannya, penoh dengan lalang, siapa hendak menebas lalang pun saya tak tahu. Di belakang kedai-kedai yang ada di Kuala Lumpur ada sampah-sampah sehingga selalu sahaja photographer daripada suratkhbar mengambil gambar tunjukkan ini dia Kuala Lumpur. Macam muka seorang perempuan yang cantik, dibedak, dilipstick, tetapi di belakangnya entah apa yang ada. Begini keadaannya Kuala Lumpur pada hari ini yang kita tengok, begitulah rupanya. Ini satu misalan sahaja—minta maaf. Jadi sepatutnya pegawai-pegawai ini

mesti bertanggungjawab di depan dan di belakang, bukan di depan sahaja, di belakang-pun mesti tengok dan jalan-jalan mesti ada satu orang yang bertanggungjawab menengok supaya jalan ini jangan berlubang-lubang, kalau berlubang lekas ditampal. Kalau misalnya ada lalang lekas ditebas, tetapi perkara ini tidak dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pada masa akan datang Undang-undang sahaja dibuat, satu undang-undang untuk meninggikan assessmentnya dibuat. Tetapi assessment dibuat, rakyat membayar assessment, rakyat juga berkehendakkan assessment ini digunakan untuk kemudahan-kemudahan rakyat. Hari ini di dalam perumahan-perumahan, rakyat bekerjasama dengan Ibukota Kuala Lumpur, misalnya mengutip duit untuk membina kelab, playground dan sebagainya, rakyat menderma untuk kemudahan-kemudahan rakyat di situ sungguhpun assessment dibayar.

Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, di Ibukota Kuala Lumpur ini kalau orang membuat rumah tidak berpelan dan sebagainya, tidak ada apapun tindakan yang diambil. Saya tidak tahu apa sebabnya. Rumah-rumah didirikan di sana-sini secara haram tidak ada tindakan pun diambil. Bukan rumah-rumah biasa—tidak, tetapi rumah-rumah kedai dalam pekan. Kalau di luar seperti setinggan-setinggan itu lain perkara. Saya selalu mempertahankan setinggan dalam Kuala Lumpur ini. Tetapi kedai-kedai, orang-orang membuat kedai secara haram tidak ada apa tindakan, tetapi kita cuma membuat pagar bunga untuk mengelokkan, dihantar surat supaya lekas dirobohkan. Tuan Yang di-Pertua: Tungau di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak tahu. Ini pegawai-pegawai yang ada di dalam Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pada masa yang akan datang oleh kerana negeri kita pada hari ini berkehendakkan kemajuan dan rakyat juga berkehendakkan kebersihan dan sebagainya, maka bandar Kuala Lumpur ini kita hendak tengok lebih maju lagi dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. C. Sinnadurai tadi saya bersetuju sangat dan saya menyokong bahawa minority races yang ada di dalam Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kelang dan di seluruh Malaysia ini mestilah diberi peluang sekurang-kurangnya

seorang menduduki di dalam Majlis Daerah ataupun Majlis Tempatan di mana mereka boleh memainkan peranan untuk negaranya.

7.13 *mlm.*

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Pindaan Seksyen 10, bilangan ahli-ahli Majlis Perbandaran khasnya di negeri Pahang ada terdapat membuat tambahan tiga orang dan ada pula yang masih tidak bertambah sehingga masa ini dan bagi menentukan bilangan ahli-ahli Majlis Perbandaran mengikut undang-undang ini. Semua Majlis Bandaran hendaklah menghantar lapuran (report) kepada Menteri Kerajaan Tempatan termasuk juga salinan minit-minit mesyuarat atau semua aktiviti-aktiviti sesuatu Majlis Perbandaran. Sebarang pilihan dan lantikan seseorang ahli Majlis Perbandaran hendaklah dipertimbang dan diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan berunding dengan Menteri Kerajaan Tempatan. Saya syorkan semua Majlis Tempatan di dalam satu-satu daerah hendaklah diletakkan di bawah Majlis Perbandaran. Ada terdapat pula, khasnya di dalam negeri Pahang ahli-ahli Majlis Bandaran tidak dapat elaun yang tertentu, diharap Kerajaan akan memberi perhatian atas hal ini.

Semua papan tanda hendaklah ditulis di dalam Bahasa Kebangsaan sahaja atau jika tidak hendaklah ditulis di dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan, China atau Tamil.

Di dalam Wilayah Persekutuan pada masa ini ada terdapat beberapa tempat di mana bangunan yang lama masih digunakan dan sebagai ibukota perkara ini haruslah diberikan perhatian untuk mengubah bangunan-bangunan itu dengan yang baru, kerana pelancung-pelancung yang datang melawat ke sini akan memandang rendah kepada keadaan ibukota ini dan lagi menghias dan mengindahkan Bandaraya Wilayah Persekutuan ini, eloklah ditanam lebih pokok-pokok bunga dan sebagainya.

7.15 *mlm.*

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil bahagian di dalam perbahasan hari ini.

Pertama, berkenaan dengan tambahan ahli Majlis. Saya juga mengalu-alukan tambahan itu, tetapi saya rasa elok juga saya mengesyorkan supaya ahli-ahli ini diberikan masa yang tertentu, kerana saya dapati ada di setengah-setengah tempat, ahli yang duduk di dalam Majlis itu bertahun-tahun lamanya dengan tidak memberi apa-apa menafaat kepada rakyat, seolah-olah seperti kata perumpamaan: Seperti Quran buruk, hendak dibaca tidak boleh, hendak dibuang sayang. Saya rasa eloklah kita berikan masa yang tertentu samada tiga atau empat tahun bagi seseorang itu dan sebagaimana, tidaklah selamalamanya ia menjadi ahli Majlis Bandaran.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli itu juga eloklah dipilih daripada orang yang betul-betul berminat, yang mahu bekerja, bukan hanya duduk memanaskan kerusi sahaja.

Saya juga meminta jasa baik Kementerian yang berkenaan supaya menasihatkan pegawai-pegawai Majlis Bandaran ini supaya menjalankan kewajipan mereka dengan baik, kemudahan-kemudahan hendaklah diberi kepada rakyat, seperti api letrik, air, jalan, longkang, sampah dan sebagainya. Bukanlah pemberian jalan yang saya katakan tadi iaitu sekali sahaja—tidak. Apabila dibina jalan itu, tiap-tiap tahun jalan itu hendaklah dijaga, bukan dibuat sekali sudah, ditinggalkan begitu—tidak. Saya memberi contoh, satu daripadanya ialah di Daerah Kuantan. Ibu Negeri Pahang, didapati sangatlah tidak memuaskan hati rakyat yang duduk di dalam Majlis Bandaran. Apabila jalan itu rosak ia tidak dibaiki, begitu juga longkang, sampah dan sebagainya.

Pada hari ini saya sukalah memberitahu kepada Menteri yang berkenaan bahawa rakyat di seluruh bandar Kuantan yang duduk di dalam Majlis Bandaran tidak puas hati dengan perkhidmatan Majlis Bandaran yang ada pada hari ini. Apa yang mereka tahu hanya assessment diminta, tetapi kemudahan yang lain tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian berkenaan dengan Majlis Bandaran berhubung dengan nyamuk. Ini bukan nyamuk aedes tetapi nyamuk biasa. Sungguhpun nyamuk ini tidak membawa apa-apa penyakit ataupun tidak merbahaya, kata doktor, tetapi adaiah mengganggu dan menyusahkan rakyat. Bila di waktu petang hari timbul satu macam bunyi, hendak diceritakan

pun di sini saya tidak tahu. Hendak dikatakan seperti bunyi kapal terbang, satu jenis binatang yang sangat kecil, tetapi mengganggu manusia. Nyamuk ini besar-besar, bukannya kecil-kecil—bukanlah seperti besar ayam, tetapi nyamuk yang ada itu besar-besar sehingga melanggar muka, hidung manusia di waktu petang hari. Kalau tidak percaya, sila datang ke Kuantan, terutama sekali di dalam kawasan-kawasan perumahan. Letaknya tidak jauh hanya tiga empat batu sahaja daripada bandar. Ini adalah memalukan. Kita ada mempunyai Majlis Bandaran, mengapa perkara-perkara yang seumpama ini berlaku? Mengapa Majlis Bandaran tidak mengambil berat berkenaan dengan nyamuk-nyamuk, kotoran-kotoran dan sebagainya.

Saya dapati pada hari ini bukan sahaja di bandar Kuantan, boleh dikatakan di seluruh Malaysia semuanya tidak puas hati. Saya rasa elok pula semasa kita adakan pilihanraya bandaran kerana Wakil-wakil Rakyat sahaja yang menjaga kawasan masing-masing, berebut-rebut hendakkan kemajuan, berebut-rebut hendakkan kebersihan dan sebagainya, kemudahan diberi kepada rakyat, selepas itu apabila tidak ada lagi pilihanraya, Majlis Bandaran nampaknya terbiar. Pegawai-pegawai tidak mengambil berat. Konon pada mulanya tidak cukup kakitangan, tetapi pada hari ini, saya tengok banyak kakitangan sehinggakan ada yang tidak membuat apa-apa kerja. Kalau di waktu hujan, duduk sahaja; waktu tidak hujan pukul 10.00 sudah berhenti kerja. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri mengambil berat berkenaan hal ini.

Begitu juga sekiranya hendak mendirikan rumah, jika dihantar pelan kepada Majlis Bandaran, ianya akan mengambil masa bertahun-tahun untuk mendapat kelulusan. Ini boleh menghalakkan rakyat mendirikan rumah tanpa kebenaran. Rakyat tidak dapat hendak menunggu lagi; duit kalau disimpan lama, habis dibelanjakan. Jadi terpaksa mereka mendirikan rumah dengan tidak mendapat izin Majlis Bandaran.

Mengikut hukuman, siapa yang mendirikan rumah tanpa kebenaran akan dikenakan denda (fine), setengahnya mana yang mampu, membayar denda. Mereka tidak peduli. Tidakkah itu memalukan? Maknanya tidak ada lagi perasaan segan silu rakyat kepada

Majlis Bandaran. Mengapa tak dapat dipercepatkan? Mengapa tak dapat diberi segala kemudahan dan syarat-syarat yang tertentu untuk mendirikan rumah?

Satu daripada perkara yang tidak memuaskan hati, sekiranya tanah itu berdekatan dengan jalan Majlis Bandaran iaitu jalan tanah merah (bukan tanah tar), akan dikenakan pula bayaran. Mesti dibayar sekian ribu ringgit kononnya hendak membina jalan. Barulah pelan mereka itu diluluskan. Ini juga satu daripada sebab yang merisaukan penduduk-penduduk kampung seperti Kampung Selamat, sebuah kampung nelayan yang pendapatannya tidaklah begitu lumayan. Kalau sebuah rumah berharga \$6-\$7 ribu, hendak bayar pembinaan jalan lagi \$2 ribu, sudah memakan belanja hampir \$9 ribu. Tak mungkin benda ini boleh jadi. Ini tak logik, tetapi apa hendak buat. Tinggal begitu sahaja, kadang-kadang terpaksa mana yang patuh kepada arahan tadi tidak mendirikan rumah.

Begitu juga berkenaan dengan pembinaan rumah (developers) mendirikan rumah, betul-lah dengan mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaran tetapi setelah rumah itu dibina jalan yang dibuat tadi patut diadakan dua syarat sebelum diluluskan pelan, longkang dan jalan hendaklah dibina. Tetapi apabila jalan dan longkang sudah siap, lori yang membawa segala kayu-kayu untuk mendirikan rumah tadi, jalan pun sudah habis punah semula. Apabila rumah sudah siap, Certificate of Fitness diberi untuk diduduki, tetapi jalan tinggal terbiar begitu. Apabila kita mengadu kepada Majlis Bandaran, jawapannya: "Oh! jalan itu belum lagi diserahkan." Bilakah lagi kita berkehendakkan developers menyerahkan jalan itu? Saya rasa sampai dunia kiamat pun dia tak akan serahkan kerana jalan itu sudah punah ranah, sudah rosak. Saya rasa ini adalah tanggungjawab Majlis Bandaran dan hendaklah ditanggung terus oleh developers itu. Kita ada mempunyai pegawai-pegawai seperti Merinyu Kesihatan yang antara lain tugasnya ialah melawat ke kawasan-kawasan. Begitu juga kayu-kayu yang tinggal lebih daripada dibuat rumah yang tidak diangkat, tidak dibersihkan kawasan itu, tetapi dibakar dengan api sebegitu besar. Di tempat yang saya katakan di dalam Majlis Bandaran, saya rasa saya sudah hidup lama di atas dunia ini, saya dapati semasa penajahan dahulu tidak dibenarkan membakar

dalam kawasan bandar, tetapi sekarang dengan sewenang-wenangnya mereka membakar, tidak mahu lagi menggunakan lori, mengangkat dan membuang kayu-kayu lebihan yang buruk tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi syarat yang diberi oleh Majlis Bandaran pada masa dahulu, jika kita hendak mendirikan rumah, dan tanah itu ditepi jalan, jarak rumah itu daripada jalan hendaklah sejauh 40 kaki, tetapi sekarang sudah ditukar pula, di zaman sains dan teknologi ini, daripada 40 kaki kepada 100 kaki. Jadi kalau tanah itu seluas 80 kaki x 20 kaki, sudah bermakna dia tidak boleh lagi mendirikan rumahnya. Hendak lari ke mana atau duduk ke mana mereka itu? Hendak mendapatkan tanah sekarang ini bukannya senang. Hendak mendapatkan rumah murah pun bukan senang. Dia ada mempunyai tanah yang ditinggalkan oleh datuk neneknya tetapi tak boleh digunakan lagi. Saya rasa syarat-syarat seumpama itu janganlah dikenakan terlalu ketat berilah peluang kepada rakyat merasai nikmat dunia ini dalam masa Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tak mengizinkan, saya rasa setakat itulah sahaja teguran saya dan saya berharap Menteri yang berkenaan akan mengambil berat berkenaan hal ini terutama sekali semasa kita hampir menghadapi pilihanraya, janganlah kita mengeluarkan berbagai undang-undang dan syarat-syarat. Kadang-kadang saya pun hairan, selepas pilihanraya mengapa tak dikeluarkan syarat-syarat lebih ketat? Seolah-olah ianya bertentangan dengan kehendak rakyat pada hari ini. Saya harap Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian atas pandangan saya tadi.

7.25 mlm.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas pindaan Rang Undang-undang meminda Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Saya juga mengucapkan terima kasih atas beberapa pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan ramai di antaranya mengalu-alukan pindaan atas beberapa Fasal dalam Rang Undang-undang

ini. Di atas perkara-perkara tersebut, saya rasa tak payahlah saya memberi penjelasan, kecuali atas beberapa perkara sahaja.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Yaacob telah menyebut berkenaan dengan nilai tahunan yang dikenakan kepada kawasan Rezab Melayu di Wilayah Persekutuan dan atas perkara ini seperti biasanya apabila penilaian tahunan 5% dikenakan, mereka yang dikenakan nilai tahunan itu telah diberi peluang untuk membuat bantahan. Dan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat saya fikir bantahan itu telahpun dibuat, tetapi saya suka menjelaskan bahawa tidak ada peruntukan di bawah Federal Capital Act untuk mengecualikan cukai ini. Perkara ini telah menjadi satu masalah buat masa sekarang, walaupun saya memahami apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Yaacob, tetapi itu adalah suatu kesulitan.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Untuk penjelasan. Penduduk-penduduk kampung di kawasan Rezab Melayu dalam Wilayah Persekutuan, sanggup membayar penilaian tahunan 5% tetapi cuma hendak minta ditangguhkan dari tahun 1978 kepada tahun 1980 kerana tidak ada langsung mendapat kemudahan-kemudahan awam. Itu sahaja.

Tuan S. Subramaniam: Terima kasih. Walaupun begitu, perkara minta ditangguhkan bayaran nilai tahunan itu, saya akan merojokkan perkara ini kepada Datuk Bandar dan juga kepada Dewan Bandaraya dan kemudian akan mengkaji atas perkara ini.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara penilaian tahunan itu, di atas asas apakah penilaian tersebut dibuat? Biasanya yang saya tahu dinilai samada bangunan itu permanent building ataupun semi-permanent building ataupun dinilai di atas lebarnya sesuatu kawasan (floor space). Dan dinilai tanah itu adakah berkaitan dengan road frontage? Sekarang ini yang dikatakan road frontage, kalau tak ada jalan, orang tak mahu buat rumah, yang mana perbezaan itu dapat ditentukan. Pertanyaan ini banyak berlaku di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan juga di daerah-daerah. Kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sedikit cara penilaian itu diperbuat.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang saya minta maaf. Tidak dapat memberi tiap-tiap cara bagaimana nilai-nilai dibuat di Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan annual value yang dikenakan sekarang mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 di mana annual value—saya baca dalam bahasa Malaysia, Tuan Yang di-Pertua:

“Nilai tahunan ertinya anggaran kasar sewa tahunan yang menasabah dijangka akan diperolehi dari setahun ke setahun dan penghargaan yang berkenaan jika disewakan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, penyelenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar cukai awam.”

Walaupun bagaimanapun, atas perkara nilai yang dibuat dalam Wilayah Persekutuan buat masa sekarang seperti dijalankan oleh Penguatkuasa-penguatkuasa Tempatan ada berbeza dan tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) yang dibuat pada hari ini ialah untuk membuat satu peluang mensekukan (uniformity) dalam perkara ini untuk mengenakan nilai tahunan yang sama di tiap-tiap tempat. Saya harap atas permintaan Yang Berhormat cara yang digunakan saya bolehlah memberi tahu Yang Berhormat macam cara yang digunakan dalam Wilayah Persekutuan.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Datuk Sri Hussein Noordin dalam perbincangan, tujuan Akta ini ialah untuk mempercepatkan pentadbiran Penguasa Tempatan oleh sebab beliau adalah meminta supaya organisasi Penguasa Tempatan disusun dan diperteguhkan untuk memberi perkhidmatan yang sempurna. Ini kita harap melalui pindaan yang dibuat sekarang kita boleh mencapai tujuan itu. Berkenaan dengan perkhidmatan angkat tong najis memang perkara kotor tetapi kita akan cuba mengawasinya dan Dewan Bandaraya sedang mengambil beberapa tindakan untuk menjalankan perkara ini sebaik-baik yang boleh. Kontrekter-kontrekter yang melanggar syarat-syarat kontreknya boleh dihukum atas pelanggaran syarat-syarat itu dan saya fikir kita akan mengawasi hal ini.

Berkenaan dengan Perbandaran Petaling Jaya perkara ini yang dirojokkan oleh Datuk Hussein Noordin juga memang ada cadangan untuk membuat pelan induk bagi kawasan-kawasan baru dimasukkan di bawah Majlis

Perbandaran Petaling Jaya. Walau bagaimanapun, saya suka memberi penjelasan amnya bahawa beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara pentadbiran dan perkhidmatan tiap-tiap Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran. Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran adalah di bawah negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, kita baru-baru ini melalui undang-undang yang ada iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan melalui pindaan yang dibuat, kita harap kita boleh menimbulkan suasana yang lebih baik untuk menjalankan perkhidmatan khasnya melalui penyusunan semula beberapa perbandaran di semua negeri. Kita harap masalah-masalah ini dapat diatasi.

Berkenaan perkara-perkara seperti kawasan yang ditentukan untuk buat sekolah dan padang permainan dan lain-lain yang dijadikan panggungwayang Ruby atau Paramount perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Negeri Selangor, kita akan rojokkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri Selangor. Pada masa sekarang Kerajaan Selangor baru sahaja menyusun semula penguasa-penguasa Tempatnya. Di antara beberapa negeri Kerajaan Selangor adalah satu negeri yang telah membuat penyusunan ini keseluruhan dan selain dari Negeri Selangor hanya negeri Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan telah memakai undang-undang untuk menyusun badan-badan ini. Oleh sebab penyusunan baru sahaja dibuat saya percaya Kerajaan Negeri Selangor ada rancangan untuk menubuhkan Jabatan-jabatan seperti Kejuruteraan, Kesihatan dan Akitek untuk menjalankan tugas-tugas atau perkhidmatan-perkhidmatan di Petaling Jaya. Inilah matlamat penyusunan semula melalui Akta ibu iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Yang Berhormat Senator Datuk Ahmad Arshad telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan bantuan yang dipersetujui oleh Kerajaan Pusat, baru-baru inilah Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk memberi bantuan melalui Kerajaan Negeri kepada Penguasa-penguasa Tempatan dan ini akan dilakukan apabila penyusunan semula tiap-tiap Penguasa Tempatan dijalankan di tiap-tiap negeri. Beliau juga menyentuh berkenaan dengan rumah-rumah di tepi jalan patut dikenakan pelan dan dapat hasil. Ini-pun adalah dikawal oleh Kerajaan Negeri dan kita boleh merojokkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri.

Ada beberapa Ahli menyentuh berkenaan dengan lantikan Ahli-ahli berkenaan dengan kelayakan ahli, kesesuaian dan sumbangan mereka kepada Majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Daerah. Ahli-ahli Majlis-majlis ini bukanlah dipilih atas partikah atau mana-mana tetapi Ahli-ahli ini dipilih untuk apa yang mereka sumbangkan kepada Lembaga Perbandaran atau Daerah dan meninggikan perkhidmatan di tiap-tiap tempat. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang melantik Ahli-ahli Lembaga Perbandaran dan Majlis Daerah. Mengikut undang-undang ini pihak Kerajaan Negeri adalah berkuasa untuk melantik Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan juga Majlis Daerah.

Saya mengucapkan terima kasih kepada lain-lain perkara yang dialu-alukan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad, hanya berkenaan dengan memberi peluang kepada penduduk-penduduk di bawah Penguasa-penguasa Tempatan melalui wang pendahuluan yang boleh diberi oleh Kerajaan kepada Penguasa-pengusa Tempatan. Beliau mengalu-ngalukan dan beliau berharap Penguasa Tempatan menjalankan rancangan-rancangannya, ini saya fikir selepas bantuan diberi oleh Kerajaan Pusat banyak Penguasa-penguasa Tempatan, saya harap boleh menjalankan perkara ini khasnya dalam bidang perindustrian dan juga perniagaan.

Yang Berhormat Datuk Dr C. Sinnadurai juga telah menimbulkan keahlian di dalam Majlis Perbandaran dan juga Majlis Daerah. Saya mengucapkan terima kasih akan tetapi seperti saya terangkan sebentar tadi keahlian Majlis-majlis ini hanya dibuat atas sumbangan yang mereka boleh buat kepada tiap-tiap Majlis. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dirujuk kepada pihak-pihak yang berkuasa yang melantik Ahli-ahlinya, Kementerian saya boleh panjangkan perkara ini.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik Raja Ishak telah menimbulkan perkara berkenaan dengan setinggalan bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi di beberapa tempat Penguasa Tempatan. Dalam masalah setinggalan Kerajaan sedar bahawa masalah ini adalah satu masalah besar, walaupun Kerajaan pada masa sekarang melalui Dewan Bandaraya dan beberapa badan menjalankan beberapa projek untuk

mengatasi masaalah ini tetapi masih menjadi masaalah besar. Kerajaan buat masa sekarang ada rancangan jangka pendek dan jangka panjang dan buat masa ini khasnya untuk kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan satu kajian keseluruhan telah dibuat untuk mengatasi beberapa masaalah di kawasan setinggalan, dan Kementerian saya hanya menunggu keputusan atas perkara ini. Beliau juga memberitahu bahawa kawasan-kawasan mundur patut dikenakan assessment yang serendah-rendahnya dan ini adalah dasar yang telah dipersetujukan dan dipakai oleh kebanyakan Penguasa-penguasa Tempatan, tetapi seperti saya telah terangkan apabila saya mula-mula memberi penjelasan ini, buat masa sekarang assessment yang dibuat adalah berbeza dan kita harap melalui pindaan ini kita boleh meseragamkan cara-cara yang digunakan untuk dikenakan assessment.

Berkenaan dengan pegawai yang hendak mengawasi kedai-kedai haram di Kuala Lumpur, ini akan diambil perhatian dan akan disampaikan kepada Penguasa Tempatan. Maksud penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan ialah untuk menyampaikan kecekapan pentadbiran dan kita harap melalui undang-undang ini kita akan mengatasi masaalah-masaalah tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan V. V. Aboo juga telah menimbulkan berkenaan dengan Ahli Majlis. Seperti yang saya telah terangkan, ini adalah satu perkara di bawah Kerajaan Negeri walaupun begitu pendapat atas perkara ini akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon telah membangkitkan mengenai lantikan Ahli-ahli Majlis hendaklah dihadkan tempohnya. Buat masa sekarang perkara ini memanglah tiap-tiap Ahli Majlis ada dilantik untuk beberapa masa yang terhad tetapi barangkali boleh jadi Ahli-ahlinya dilantik semula selepas tempoh pelantikan Ahli itu tamat.

Begitu juga beberapa perkara berkenaan dengan pentadbiran, perkhidmatan yang diberikan oleh Badan-badan Tempatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya fikir perkara ini hanya boleh dirujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan ataupun untuk perhatian dan tindakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan saya dan barangkali boleh jadi ada perkara-perkara yang tidak dapat dijelaskan khasnya perkara-perkara am dan atas perkara-perkara ini, kita akan ambil perhatian dan tindakan-tindakan sewajarnya. Saya harap melalui pindaan yang dikemukakan ini maka perkara-perkara seperti kuasa yang diberikan kepada pihak Penguasa Tempatan mengenakan hukuman-hukuman kepada pegawai-pegawai yang berhubung dengan pindaan ini, maka masalah seperti itu boleh diatasi seperti mana yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.53 malam.